JUZU' KE-24

SURAH FUSSILAT

SURAH KE

41

سُورَةُ فُصِّلَتْ

SURAH FUSSILAT

Surah Yang Dijelaskan Dengan Terperinci

(Makkiyah)

JUMLAH AYAT

54

Dengan nama Allah
Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih

(Kumpulan ayat-ayat 1 - 36)

حمٓ ١ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحۡمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ٢
كِتَٰبٌ فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥ قُرۡءَانًا عَرَبِيّٗا لِّقَوۡمٖ يَعۡلَمُونَ ٣
بَشِيرٗا وَنَذِيرٗا فَأَعۡرَضَ أَكۡثَرُهُمۡ فَهُمۡ لَا يَسۡمَعُونَ ٤
وَقَالُواْ قُلُوبُنَا فِيٓ أَكِنَّةٖ مِّمَّا تَدۡعُونَآ إِلَيۡهِ وَفِيٓ ءَاذَانِنَا
وَقۡرٞ وَمِنۢ بَيۡنِنَا وَبَيۡنِكَ حِجَابٞ فَٱعۡمَلۡ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ٥
قُلۡ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٞ مِّثۡلُكُمۡ يُوحَىٰٓ إِلَيَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمۡ إِلَٰهٞ
وَٰحِدٞ فَٱسۡتَقِيمُوٓاْ إِلَيۡهِ وَٱسۡتَغۡفِرُوهُۗ وَوَيۡلٞ
لِّلۡمُشۡرِكِينَ ٦
ٱلَّذِينَ لَا يُؤۡتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلۡأٓخِرَةِ هُمۡ كَٰفِرُونَ ٧
إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُواْ وَعَمِلُواْ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمۡ أَجۡرٌ غَيۡرُ
مَمۡنُونٖ ٨

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih (2). Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui (3). Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab, tetapi kebanyakan mereka berpaling darinya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya (4). Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan di dalam telinga kami terdapat sumbatan dan di antara kami dengan engkau ada dinding.Oleh itu bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami (5). Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin (6). Para Musyrikin yang tidak menunaikan zakat dan mereka mengingkarkan hari Akhirat (7). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi pahala yang tidak putus-putus." (8).

قُلۡ أَئِنَّكُمۡ لَتَكۡفُرُونَ بِٱلَّذِي خَلَقَ ٱلۡأَرۡضَ فِي يَوۡمَيۡنِ
وَتَجۡعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادٗاۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلۡعَٰلَمِينَ ٩
وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِيَ مِن فَوۡقِهَا وَبَٰرَكَ فِيهَا
وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقۡوَٰتَهَا فِيٓ أَرۡبَعَةِ أَيَّامٖ سَوَآءٗ
لِّلسَّآئِلِينَ ١٠
ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِيَ دُخَانٞ فَقَالَ لَهَا وَلِلۡأَرۡضِ
ٱئۡتِيَا طَوۡعًا أَوۡ كَرۡهٗا قَالَتَآ أَتَيۡنَا طَآئِعِينَ ١١
فَقَضَىٰهُنَّ سَبۡعَ سَمَٰوَاتٖ فِي يَوۡمَيۡنِ وَأَوۡحَىٰ فِي كُلِّ
سَمَآءٍ أَمۡرَهَاۚ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفۡظٗاۚ
ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ١٢

"Katakanlah: Apakah patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (9). Dan Dia ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya) dalam masa empat hari yang sama-untuk semua yang bertanya (tentang penciptaan bumi) (10). Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati (11). Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing. Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12).

فَإِنۡ أَعۡرَضُواْ فَقُلۡ أَنذَرۡتُكُمۡ صَٰعِقَةٗ مِّثۡلَ صَٰعِقَةِ
عَادٖ وَثَمُودَ ١٣
إِذۡ جَآءَتۡهُمُ ٱلرُّسُلُ مِنۢ بَيۡنِ أَيۡدِيهِمۡ وَمِنۡ خَلۡفِهِمۡ

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ قَالُوا۟ لَوْ شَآءَ رَبُّنَا لَأَنزَلَ مَلَـٰٓئِكَةً فَإِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَـٰفِرُونَ ﴿١٤﴾

فَأَمَّا عَادٌ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَقَالُوا۟ مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۖ وَكَانُوا۟ بِـَٔايَـٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِىٓ أَيَّامٍ نَّحِسَاتٍ لِّنُذِيقَهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْـَٔاخِرَةِ أَخْزَىٰ ۖ وَهُمْ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٦﴾

وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَـٰهُمْ فَٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْعَمَىٰ عَلَى ٱلْهُدَىٰ فَأَخَذَتْهُمْ صَـٰعِقَةُ ٱلْعَذَابِ ٱلْهُونِ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾

وَنَجَّيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud (13). Ketika rasul-rasul datang kepada mereka dari hadapan dan dari belakang mereka (seraya menyeru): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah. Jawab mereka: Jika Tuhan kami kehendaki tentulah Dia akan menurunkan malaikat. Kerana itu kami tidak percaya terhadap agama yang kamu telah diutuskan membawanya (14). Adapun kaum 'Ad mereka telah berlagak angkuh di bumi tanpa alasan yang benar dan mereka berkata: Siapakah yang lebih kuat dari kami? Apakah tidak mereka melihat bahawa Allah yang telah menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka? Dan mereka tetap mengingkari ayat-ayat Kami (15). Lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang selama beberapa hari yang penuh sengsara kerana Kami hendak membuat mereka merasakan 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih menghinakan lagi, dan mereka tidak akan diberi pertolongan (16). Dan adapun kaum Thamud pula, Kami telah memberi hidayat kepada mereka, tetapi mereka mengutamakan kebutaan (kesesatan) dari hidayat, lalu mereka disambar petir 'azab yang amat menghinakan dengan, sebab dosa yang dilakukan mereka (17). Dan Kami telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa." (18).

وَيَوْمَ يُحْشَرُ أَعْدَآءُ ٱللَّهِ إِلَى ٱلنَّارِ فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿١٩﴾

حَتَّىٰٓ إِذَا مَا جَآءُوهَا شَهِدَ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَـٰرُهُمْ وَجُلُودُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٠﴾

وَقَالُوا۟ لِجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدتُّمْ عَلَيْنَا ۖ قَالُوٓا۟ أَنطَقَنَا ٱللَّهُ ٱلَّذِىٓ أَنطَقَ كُلَّ شَىْءٍ وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢١﴾

وَمَا كُنتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَن يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَآ أَبْصَـٰرُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ وَلَـٰكِن ظَنَنتُمْ أَنَّ ٱللَّهَ لَا يَعْلَمُ كَثِيرًا مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

وَذَٰلِكُمْ ظَنُّكُمُ ٱلَّذِى ظَنَنتُم بِرَبِّكُمْ أَرْدَىٰكُمْ فَأَصْبَحْتُم مِّنَ ٱلْخَـٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

فَإِن يَصْبِرُوا۟ فَٱلنَّارُ مَثْوًى لَّهُمْ ۖ وَإِن يَسْتَعْتِبُوا۟ فَمَا هُم مِّنَ ٱلْمُعْتَبِينَ ﴿٢٤﴾

وَقَيَّضْنَا لَهُمْ قُرَنَآءَ فَزَيَّنُوا۟ لَهُم مَّا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَحَقَّ عَلَيْهِمُ ٱلْقَوْلُ فِىٓ أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِم مِّنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ ۖ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ خَـٰسِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan ingatlah hari di mana dikumpulkan musuh-musuh Allah untuk dibawa ke Neraka lalu mereka dibahagi-bahagikan (19). Sehingga apabila tiba di Neraka, maka pendengaran, penglihatan dan kulit-kulit mereka menjadi saksi yang mengakui segala apa yang dilakukan mereka (20). Lalu mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: Mengapa kamu menjadi saksi menentang kami? Jawab kulit-kulit itu: Allahlah yang telah menjadikan kami pandai bercakap. Dialah yang berkuasa menjadikan segala sesuatu pandai bercakap dan Dialah yang telah menciptakan kamu pada pertama kali dan kepada-Nya juga kamu dikembalikan (21). Dan kamu sama sekali tidak dapat menyembunyikan diri dari disaksikan oleh pendengaran kamu, penglihatan kamu dan kulit-kulit kamu, tetapi kamu telah menyangka bahawa Allah tidak mengetahui banyak dosa-dosa yang dilakukan kamu (22). Dan itulah sangkaan yang kamu sangkakan terhadap Tuhan kamu itu telah membinasakan diri kamu dan jadilah kamu dari golongan orang-orang yang rugi (23). Dan jika mereka boleh bersabar, maka Neraka akan menjadi tempat kediaman mereka, dan jika mereka memohon keredhaan Allah, maka mereka bukanlah orang-orang yang wajar dikurniakan keredhaan (24). Dan Kami adakan untuk mereka teman-teman rapat (syaitan) yang menghias indahkan perbuatan-perbuatan yang buruk di hadapan dan di belakang mereka. Dan telah ditetapkan ke atas mereka keputusan 'azab yang telah menimpa umat-umat jin dan

manusia yang terdahulu dari mereka. Sesungguhnya mereka adalah dari golongan yang rugi." (25).

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

فَلَنُذِيقَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ عَذَابًا شَدِيدًا وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَسْوَأَ ٱلَّذِى كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾

ذَٰلِكَ جَزَآءُ أَعْدَآءِ ٱللَّهِ ٱلنَّارُ لَهُمْ فِيهَا دَارُ ٱلْخُلْدِ جَزَآءًۢ بِمَا كَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿٢٨﴾

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ رَبَّنَآ أَرِنَا ٱلَّذَيْنِ أَضَلَّانَا مِنَ ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ نَجْعَلْهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ ٱلْأَسْفَلِينَ ﴿٢٩﴾

إِنَّ ٱلَّذِينَ قَالُوا۟ رَبُّنَا ٱللَّهُ ثُمَّ ٱسْتَقَٰمُوا۟ تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ ٱلْمَلَٰٓئِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا۟ وَلَا تَحْزَنُوا۟ وَأَبْشِرُوا۟ بِٱلْجَنَّةِ ٱلَّتِى كُنتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

نَحْنُ أَوْلِيَآؤُكُمْ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا وَفِى ٱلْءَاخِرَةِ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَشْتَهِىٓ أَنفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَدَّعُونَ ﴿٣١﴾

نُزُلًا مِّنْ غَفُورٍ رَّحِيمٍ ﴿٣٢﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka (26). Sesungguhnya Kami akan membuat orang-orang yang kafir itu merasakan 'azab yang amat dahsyat dan Kami akan membalas mereka dengan seburuk-buruk balasan terhadap dosa-dosa yang dilakukan mereka (27). Itulah balasan Neraka kepada musuh-musuh Allah yang terdapat di dalamnya tempat kediaman yang kekal untuk mereka sebagai balasan kerana perbuatan mereka yang mengingkarkan ayat-ayat Kami (28). Dan berkatalah orang-orang kafir: Wahai Tuhan kami! Tunjukkanlah kepada kami orang-orang yang telah menyesatkan kami dari jin dan manusia kerana kami mahu meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (hina) (29). Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka beristiqamah, nescaya turunlah para malaikat mendapatkan mereka (seraya memberi perangsang): Janganlah kamu takut dan rungsing dan bergembiralah dengan Syurga yang dijanjikan kepada kamu (30). Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan Akhirat. Dan kamu akan memperolehi di Akhirat apa sahaja yang diidami hati kamu, juga kamu akan memperolehi apa sahaja yang kamu minta (31). Sebagai keraian dari Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih." (32).

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٣٥﴾

وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٦﴾

"Dan siapakah lagi yang lebih baik percakapannya dari orang yang berda'wah kepada Allah dan mengerjakan amalan yang soleh dan berkata: Sesungguhnya aku dari golongan Muslimin (33). Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang sebaik-baiknya nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia (34). Dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang sabar dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang mempunyai habuan keberuntungan yang amat besar (35). Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka pohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(36)

(Latar belakang dan pokok pembicaraan)

Yang dibicarakan di dalam surah ini ialah persoalan 'aqidah dengan hakikat-hakikatnya yang asasi iaitu ketuhanan Yang Maha Esa, kehidupan di Akhirat, wahyu yang menyampaikan risalah dan ditambah pula dengan cara berda'wah kepada Allah dan pembicaraan mengenai akhlak penda'wah.

Segala kandungan surah ini ialah mengulaskan hakikat-hakikat itu dengan dalil-dalilnya, juga mempamerkan ayat-ayat atau bukti-bukti kekuasaan Allah yang terdapat pada kejadian diri manusia dan di merata pelosok alam, juga memberi amaran terhadap perbuatan mendustakan ayat-ayat Allah dan memberi peringatan dengan kisah-kisah kebinasaan para pendusta dalam generasi-generasi dahulukala, juga menayangkan pemandangan-pemandangan yang menggambarkan para pendusta pada hari Qiamat dan seterusnya menyatakan bahawa para pendusta dari

makhluk jin dan manusia itulah sahaja golongan yang tidak menerima hakikat-hakikat ini dan tidak tunduk kepada Allah Yang Tunggal, sedangkan langit, bumi, matahari, bulan dan para malaikat semuanya sujud kepada Allah dengan khusyu' dan penuh patuh.

Kenyataan mengenai hakikat Uluhiyah Yang Maha Esa disebut di bahagian awal surah ini:

قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin."(6)

قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَرْضَ فِى يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩﴾

"Katakanlah: Apakah patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam."(9)

Ia menceritakan tentang kisah kaum 'Ad dan Thamud iaitu rasul-rasul mereka telah mengemukakan hakikat ketuhanan Yang Maha Esa kepada mereka:

أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ

"Janganlah kamu menyembah melainkan Allah."(14)

Dan di tengah-tengah surah ini diterangkan pula hakikat itu:

لَا تَسْجُدُوا۟ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ

"Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menciptakannya."(37)

Dan pada akhir surah ini juga diterangkan hakikat yang sama:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَيْنَ شُرَكَآءِى قَالُوٓا۟ ءَاذَنَّٰكَ مَا مِنَّا مِن شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾

"Pada hari Allah menyeru mereka (kaum Musyrikin) di manakah sekutu-sekutu-Ku? Jawab mereka: Kami telah mengumumkan (dengan yakin) kepada-Mu. Tiada seorang pun dari kami yang menyaksi mereka."(47)

Mengenai persoalan Akhirat, ia menyebut amaran terhadap orang-orang yang tidak percaya kepada hari Akhirat:

وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin."(6)

ٱلَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٧﴾

"Para Musyrikin yang tidak menunaikan zakat dan mereka mengingkarkan hari Akhirat."(7)

Dan diakhiri dengan firman-Nya:

أَلَآ إِنَّهُمْ فِى مِرْيَةٍ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمْ ۗ أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ ﴿٥٤﴾

"Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah. Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Persoalan ini juga disebut di dalam pemandangan-pemandangan Qiamat yang seolah-olah sedang berlaku untuk menguatkan pembentangan persoalan ini.

Kenyataan mengenai persoalan wahyu pula banyak sekali disebut dalam surah ini malah persoalan ini hampir-hampir merupakan pokok pembicaraan surah ini. Ia dari awal-awal lagi disebut dengan terperinci pada ayat pembukaannya:

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾ كِتَٰبٌ فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٤﴾ وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا فِىٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ وَفِىٓ ءَاذَانِنَا وَقْرٌ وَمِنۢ بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَٱعْمَلْ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ﴿٥﴾ قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih (2). Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui (3). Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab, tetapi kebanyakan mereka berpaling darinya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya (4). Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan di dalam telinga kami terdapat

sumbatan dan di antara kami dengan engkau ada dinding. Oleh itu bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami (5). Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin."(6)

Di tengah surah ini pula disebut tentang sambutan orang-orang Musyrikin terhadap Al-Qur'an:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka."(26)

Kemudian sambutan itu diterangkan dengan terperinci dan dikemukakan jawapan-jawapan terhadap perkataan-perkataan mereka:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِٱلذِّكْرِ لَمَّا جَآءَهُمْ ۖ وَإِنَّهُۥ لَكِتَٰبٌ عَزِيزٌ ﴿٤١﴾ لَّا يَأْتِيهِ ٱلْبَٰطِلُ مِنۢ بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِۦ ۖ تَنزِيلٌ مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾ مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾ وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَّقَالُوا۟ لَوْلَا فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥٓ ۖ ءَا۬عْجَمِىٌّ وَعَرَبِىٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هُدًى وَشِفَآءٌ ۖ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an ketika ia datang kepada mereka (amatlah keji perbuatan mereka), dan sesungguhnya Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang amat kuat (41). Ia tidak sekali-kali didatangi kebatilan dari hadapan dan tidak pula dari belakangnya. Ia adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Terpuji (42). Segala apa yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan ialah apa yang telah pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelummu. Sesungguh-nya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih (43). Dan andainya Kami jadikan Al-Qur'an itu dalam bahasa asing tentulah mereka bersungut mengapakah tidak dijelaskan ayat-ayatnya, adakah Al-Qur'an itu bahasa asing dan bahasa Arab. Katakanlah bahawa Al-Qur'an itu adalah hidayat dan penawar kepada orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman terdapat sumbatan dalam telinga mereka dan Al-Qur'an menjadi suatu kegelapan kepada mereka. Mereka (seolah-olah) orang yang dipanggil dari tempat yang jauh."(44)

Kenyataan mengenai cara berda'wah dan akhlak penda'wah disebut dalam firman-Nya:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾ وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ ۚ ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٣٥﴾ وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ ۖ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٦﴾

"Dan siapakah lagi yang lebih baik percakapannya dari orang yang berda'wah kepada Allah dan mengerjakan amalan yang soleh dan berkata: Sesungguhnya aku dari golongan Muslimin (33). Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang sebaik-baiknya nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia (34). Dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang sabar dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang mempunyai habuan keberuntungan yang amat besar (35). Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka pohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(36)

* * * * * *

Persoalan-persoalan ini dibentangkan dalam kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa yang merangsangkan perasaan-perasaan yang mendalam, iaitu dibentangkan dalam alam buana yang penuh mengandungi bukti-bukti kekuasaan Allah yang besar, juga dibentangkan dalam alam jiwa manusia yang aneh strukturnya dan seterusnya dibentangkan dalam kisah-kisah kebinasaan umat-umat yang dahulu kala, dan akhir sekali dibentangkan dalam suasana pemandangan-pemandangan Qiamat yang memberi kesan yang amat mendalam, dan setengah dari pemandangan-pemandangan itu merupakan pemandangan-pemandangan yang unik dan amat memeranjatkan.

Di antara pemandangan-pemandangan alam buana yang disebut di dalam surah ini ialah penciptaan langit dan bumi di peringkat permulaan yang diterangkan dengan penjelasan-penjelasan yang menarik:

قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَرْضَ فِى يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩﴾
وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ مِن فَوْقِهَا وَبَٰرَكَ فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقْوَٰتَهَا فِىٓ أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَآءً لِّلسَّآئِلِينَ ﴿١٠﴾
ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ٱئْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ ﴿١١﴾
فَقَضَىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَاتٍ فِى يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِى كُلِّ سَمَآءٍ أَمْرَهَا ۚ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفْظًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿١٢﴾

"Katakanlah: Apakah patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (9). Dan Dia ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya) dalam masa empat hari yang sama untuk semua yang bertanya (tentang penciptaan bumi) (10). Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati (11). Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing. Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12)

Dan di antaranya lagi ialah penciptaan malam dan siang, matahari dan bulan, ibadat para malaikat, sifat khusyu' bumi yang menyembah Allah dan kesuburan bumi dengan tumbuh-tumbuhan yang hidup:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيْلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا۟ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾
فَإِنِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ يُسَبِّحُونَ لَهُۥ بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَهُمْ لَا يَسْـَٔمُونَ ۩ ﴿٣٨﴾
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلْأَرْضَ خَٰشِعَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ ۚ إِنَّ ٱلَّذِىٓ أَحْيَاهَا لَمُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰٓ ۚ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menciptakan mereka jika kamu benar-benar menyembahkan-Nya (37). Oleh itu jika mereka terus berlagak takbur, maka mereka yang ada di sisi Tuhanmu sentiasa bertasbih kepada-Nya malam dan siang, sedangkan mereka tidak pernah jemu (38). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah engkau melihat bumi diam khusyu' dan apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur. Sesungguhnya Tuhan yang berkuasa menghidupkan bumi itu berkuasa pula menghidupan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(39)

Kenyataan mengenai hakikat jiwa manusia telah didedahkan dalam surah ini dengan begitu terbuka dan bogel tanpa sebarang tabir yang melindunginya:

لَّا يَسْـَٔمُ ٱلْإِنسَٰنُ مِن دُعَآءِ ٱلْخَيْرِ وَإِن مَّسَّهُ ٱلشَّرُّ فَيَـُٔوسٌ قَنُوطٌ ﴿٤٩﴾
وَلَئِنْ أَذَقْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنَّا مِنۢ بَعْدِ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُ لَيَقُولَنَّ هَٰذَا لِى وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةً وَلَئِن رُّجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّىٓ إِنَّ لِى عِندَهُۥ لَلْحُسْنَىٰ ۚ فَلَنُنَبِّئَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِمَا عَمِلُوا۟ وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٠﴾
وَإِذَآ أَنْعَمْنَا عَلَى ٱلْإِنسَٰنِ أَعْرَضَ وَنَـَٔا بِجَانِبِهِۦ وَإِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ فَذُو دُعَآءٍ عَرِيضٍ ﴿٥١﴾

"Manusia tidak jemu memohon kebaikan dan jika dia disentuh kesusahan, dia terus berputus asa (49). Dan sekiranya Kami rasakannya rahmat dari Kami setelah disentuh kesusahan, dia berkata (sombong): Ini adalah hasil usahaku. Dan aku tidak fikir hari Qiamat itu akan berlaku, dan jika aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperoleh anugerah yang paling baik di sisinya. Demi sesungguhnya Kami akan memberitahu kepada orang-orang yang kafir segala apa yang telah dilakukan mereka dan Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat berat (50).

Dan apabila Kami kurniakan nikmat kepada manusia, dia berpaling dan menjauhkan dirinya (dari Kami) dan apabila dia disentuh bala bencana, maka dia berdo'a dengan panjang lebar."(51)

Di antara kisah kebinasaan umat-umat yang dahulukala ialah kisah kebinasaan 'Ad dan Thamud:

فَأَمَّا عَادٌ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَقَالُوا۟
مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَهُمْ
هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۖ وَكَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾
فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِىٓ أَيَّامٍ نَّحِسَاتٍ
لِّنُذِيقَهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ
ٱلْـَٔاخِرَةِ أَخْزَىٰ ۖ وَهُمْ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٦﴾
وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَٰهُمْ فَٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْعَمَىٰ عَلَى ٱلْهُدَىٰ
فَأَخَذَتْهُمْ صَٰعِقَةُ ٱلْعَذَابِ ٱلْهُونِ بِمَا كَانُوا۟
يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾
وَنَجَّيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

"Adapun kaum 'Ad mereka telah berlagak angkuh di bumi tanpa alasan yang benar dan mereka berkata: Siapakah yang lebih kuat dari kami? Apakah tidak mereka melihat bahawa Allah yang telah menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka? Dan mereka tetap mengingkari ayat-ayat Kami (15). Lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang selama beberapa hari yang penuh sengsara kerana Kami hendak membuat mereka merasakan 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih menghinakan lagi dan mereka tidak akan diberi pertolongan (16). Dan adapun kaum Thamud pula, Kami telah memberi hidayat kepada mereka, tetapi mereka mengutamakan kebutaan (kesesatan) dari hidayat, lalu mereka disambar petir 'azab yang amat menghinakan dengan sebab dosa yang dilakukan mereka (17). Dan Kami telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa."(18)

Di antara pemandangan-pemandangan Qiamat yang amat berkesan di dalam surah ini ialah:

وَيَوْمَ يُحْشَرُ أَعْدَآءُ ٱللَّهِ إِلَى ٱلنَّارِ فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿١٩﴾
حَتَّىٰٓ إِذَا مَا جَآءُوهَا شَهِدَ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَٰرُهُمْ
وَجُلُودُهُم بِمَا كَانُوا۟ يَعْمَلُونَ ﴿٢٠﴾
وَقَالُوا۟ لِجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدتُّمْ عَلَيْنَا ۖ قَالُوٓا۟ أَنطَقَنَا ٱللَّهُ
ٱلَّذِىٓ أَنطَقَ كُلَّ شَىْءٍ وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ
تُرْجَعُونَ ﴿٢١﴾

"Dan ingatlah hari di mana dikumpulkan musuh-musuh Allah untuk dibawa ke Neraka lalu mereka dibahagi-bahagikan (19). Sehingga apabila tiba di Neraka, maka pendengaran, penglihatan dan kulit-kulit mereka menjadi saksi yang mengakui segala apa yang dilakukan mereka (20). Lalu mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: Mengapa kamu menjadi saksi menentang kami? Jawab kulit-kulit itu: Allahlah yang telah menjadikan kami pandai bercakap. Dialah yang berkuasa menjadikan segala sesuatu pandai bercakap dan Dialah yang telah menciptakan kamu pada pertama kali dan kepada-Nya juga kamu dikembalikan."(21)

Juga pemandangan kemarahan yang meluap-luap dari pengikut-pengikut yang tertipu terhadap pemimpin-pemimpin yang telah menipu mereka:

وَقَالَ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ رَبَّنَآ أَرِنَا ٱلَّذَيْنِ أَضَلَّانَا مِنَ
ٱلْجِنِّ وَٱلْإِنسِ نَجْعَلْهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ
ٱلْأَسْفَلِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir: Wahai Tuhan kami! Tunjukkanlah kepada kami orang-orang yang telah menyesatkan kami dari jin dan manusia kerana kami mahu meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (hina)."(29)

Demikianlah hakikat-hakikat 'aqidah di dalam surah ini dibentangkan di dalam berbagai-bagai kejadian dan peristiwa yang merangsangkan perasaan-perasaan yang mendalam. Kejadian-kejadian dan peristiwa-peristiwa itu juga menggambarkan suasana, sifat dan bayangan surah ini. Sebenarnya dari permulaan surah hingga ke akhirnya, hati kita dapati ia berada di hadapan ayat-ayat yang menarik yang membawanya menjelajah di alam langit dan bumi, dalam pendalaman jiwa manusia, dalam kisah-kisah kebinasaan umat-umat manusia dan di alam Qiamat. Dan memetik tali-tali perasaannya dengan berbagai-bagai nada ilham yang seluruhnya memberi kesan-kesan yang amat mendalam.

* * * * * *

Ayat-ayat surah ini melangsungkan pembicaraan-pembicaraannya dalam dua pusingan dengan babak-babaknya yang berhubung rapat.

Pusingan pertama dimulakan dengan ayat-ayat yang menerangkan tentang dari manakah turunnya kitab Al-Qur'an dan tentang sifat-sifatnya dan sikap kaum Musyrikin terhadapnya. Kemudian diiringi pula dengan kisah penciptaan langit dan bumi, kisah 'Ad dan Thamud dan pemandangan mereka pada hari Akhirat, di mana dosa-dosa mereka disaksikan oleh telinga, mata dan kulit mereka sendiri. Dan dari sini ia kembali pula berbicara mengenai kisah hidup mereka di dunia bagaimana mereka mendapat kesesatan ini, dan menyebut bahawa Allah telah mengadakan untuk mereka teman-teman karib yang jahat yang terdiri dari jin dan manusia. Teman-teman inilah yang telah menghiaskan perbuatan-perbuatan mereka yang

buruk hingga dipandang baik dan elok oleh mereka. Dan di antara kesan-kesannya ialah kata-kata cemuhan mereka: **"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an dan ganggukannya dengan jerit pekik supaya kamu dapat mengatasi mereka"**(لاتسمعوا لهذا القرآن والغوا فيه لعلكم تغلبون).

Kemudian ia menyebut keadaan mereka pada hari Qiamat di mana mereka marahkan teman-teman mereka yang karib itu kerana menipu mereka. Sementara di tebing sebelah lagi kelihatan orang-orang Mu'min yang berkata: **"Allah itu Tuhan kami dan kemudian mereka berlaku jujur"**(ربنا الله ثم استقاموا). Mereka dituruni para malaikat yang memberi ketenangan dan berita gembira kepada mereka serta mengisytiharkan bahawa merekalah penolong mereka di dunia dan Akhirat. Setelah itu diiringi pula dengan penjelasan mengenai da'wah dan penda'wah. Dan dengan ini berakhirlah pusingan ini.

Pusingan yang kedua pula memperkatakan tentang bukti-bukti kekuasaan Allah dalam kejadian-kejadian malam dan siang, matahari dan bulan, malaikat yang beribadat kepada Allah, bumi yang khusyu' dan hayat yang subur dengan tumbuh-tumbuhan yang segar setelah tandus dan matinya bumi. Kemudian ia bicarakan tentang orang-orang yang ingkarkan ayat-ayat Allah dan kitab-Nya. Dan di sini ia menjelaskan tentang kitab suci itu sambil menyebut kitab yang diturunkan kepada Musa dan pertikaian kaumnya terhadap kitab itu. Kemudian ia menyerahkan urusan mereka kepada Allah selepas ditentukan masa Qiamat itu. Dan di sini disebutkan pula tentang hari Qiamat dan hanya ilmu Allah sahaja yang mengetahuinya. Hanya ilmu-Nya sahaja yang mengetahui buah-buah yang terkandung di dalam mayang dan anak-anak yang terkandung di dalam rahim. Kemudian ia menayangkan pemandangan orang-orang kafir ketika diminta menunjukkan sembahan-sembahan yang mereka sekutukan Allah dengannya, dan setelah itu ia mendedahkan rahsia jiwa manusia. Walaupun manusia itu begitu haloba terhadap kepentingan-kepentingan dirinya namun ia tidak juga hemat memeliharakannya dengan sebaik-baiknya kerana itu mereka bertindak mendustakan Rasul dan menjadi kafir tanpa mempedulikan akibat kebinasaan dan 'azab yang akan menimpa mereka.

Kemudian surah ini diakhiri dengan menyebut janji Allah yang hendak mendedahkan ayat-ayat-Nya kepada manusia di dalam kejadian jiwa dan kejadian-kejadian di merata pelosok alam supaya mereka mengetahui dan yakin:

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

أَلَآ إِنَّهُمْ فِى مِرْيَةٍ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمْ ۗ أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ ﴿٥٤﴾

"Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar. Tidakkah cukup kepada mereka bahawa Tuhanmu itu menyaksi segala sesuatu (53). Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah. Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Dengan nada kenyataan ayat ini ditamatkan surah ini.

Sekarang marilah kita bincangkan ayat-ayat surah ini dengan terperinci:

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 1 - 8)

حمٓ ﴿١﴾ تَنزِيلٌ مِّنَ ٱلرَّحْمَٰنِ ٱلرَّحِيمِ ﴿٢﴾ كِتَٰبٌ فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾ بَشِيرًا وَنَذِيرًا فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٤﴾ وَقَالُوا۟ قُلُوبُنَا فِىٓ أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَآ إِلَيْهِ وَفِىٓ ءَاذَانِنَا وَقْرٌ وَمِنۢ بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَٱعْمَلْ إِنَّنَا عَٰمِلُونَ ﴿٥﴾ قُلْ إِنَّمَآ أَنَا۠ بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰٓ إِلَىَّ أَنَّمَآ إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَٰحِدٌ فَٱسْتَقِيمُوٓا۟ إِلَيْهِ وَٱسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾ ٱلَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ ٱلزَّكَوٰةَ وَهُم بِٱلْءَاخِرَةِ هُمْ كَٰفِرُونَ ﴿٧﴾ إِنَّ ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَعَمِلُوا۟ ٱلصَّٰلِحَٰتِ لَهُمْ أَجْرٌ غَيْرُ مَمْنُونٍ ﴿٨﴾

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih (2). Sebuah kitab Yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui (3). Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab, tetapi kebanyakan mereka berpaling darinya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya (4). Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan di dalam telinga kami terdapat sumbatan dan di antara kami dengan engkau ada dinding. Oleh itu bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami (5). Katakanlah: Sesungguhnya aku

seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepadaNya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin (6). Para Musyrikin yang tidak menunaikan zakat dan mereka mengingkarkan hari Akhirat (7). Sesungguhnya orang-orang yang beriman dan mengerjakan amalan yang soleh akan memperolehi pahala yang tidak putus-putus."(8)

Sebelum ini telah pun dihuraikan mengenai tujuan pembukaan dengan huruf-huruf potongan pada berbagai-bagai surah. Ulangan pembukaan ini dengan **"Haa, Miim"** (حم) selaras dengan uslub Al-Qur'an yang mengulang-ulangkan sebutan hakikat-hakikat yang menyentuh hati manusia kerana tabi'at hati memerlukan pada peringatan yang berulang-ulang. Ia mudah lupa apabila dilalui masa yang panjang. Ia memerlukan ulangan dengan berbagai-bagai cara untuk menanamkan sesuatu hakikat kesedaran di dalamnya. Al-Qur'an melayani hati manusia mengikut ciri-ciri dan kesediaan yang dilengkapkan pada tabi'atnya iaitu mengikut ilmu Allah yang mencipta dan mengendalikan hati itu mengikut sebagaimana yang dikehendaki-Nya.

"Haa. Miim (1). Kitab Al-Qur'an diturunkan daripada Allah Yang Maha Penyayang dan Maha Pengasih."(2)

Di sini **Haa. Miim** (حم) seolah-olah nama surah atau nama jenis bacaan kerana **Haa. Miim** adalah dari jenis-jenis huruf yang digubahkan Al-Qur'an darinya. **Haa. Miim** itu dah mubtada' (pokok kata mengikut ilmu tatabahasa Arab) dan "تنزيل من الرحمن الرحيم" itu ialah khabar (berita kata).

Al-Qur'an Menjadi Rahmat Kepada Seluruh khluk Yang Hidup

Menyebut sifat Maha Penyayang dan Maha Pengasih ketika menyebut turunnya Al-Qur'an ini menunjukkan kepada sifat rahmat yang meliputi penurunan Al-Qur'an ini. Dan tidak syak lagi bahawa turunnya Al-Qur'an ini menjadi rahmat kepada sekalian alam, iaitu rahmat kepada orang yang beriman kepadanya dan mematuhinya, juga rahmat kepada orang lain, dan orang lain ini pula bukannya manusia sahaja, malah semua makhluk yang hidup. Al-Qur'an telah menetapkan satu cara dan rencana hidup yang dilandaskan di atas kebajikan untuk semua makhluk yang hidup, Al-Qur'an telah mempengaruhi kehidupan manusia, pemikiran dan kefahaman mereka. Al-Qur'an telah mengaturkan perjalanan hidup manusia, dan ini bukannya khusus kepada orang-orang yang beriman kepadanya sahaja, malah kesannya meliputi seluruh manusia dan berterusan begitu sejak ia diturunkan kepada sekalian alam. Orang-orang yang mengikuti sejarah manusia dengan insaf dan hemat dan orang-orang yang mengkaji Al-Qur'an dalam konsep kemanusiaannya yang umum, yang meliputi segala bidang kegiatan manusia akan dapat memahami hakikat ini dan meyakininya. Ramai di antara para pengkaji itu telah pun merakamkan hakikat ini dan mengakuinya dengan terus terang.

كِتَٰبٌ فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

"Sebuah kitab yang dijelaskan ayat-ayatnya satu persatu sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui."(3)

Al-Qur'an itu telah memberi penjelasan, yang rapi, iaitu tepat dengan kehendak-kehendak dan matlamat-matlamat, sesuai dengan segala jenis tabi'at dan akal, sesuai dengan segala masyarakat dan zaman, sesuai dengan segala keadaan dan keperluan jiwa manusia yang beranekaragam. Penjelasan terperinci yang halus mengikut pertimbangan-pertimbangan ini merupakan ciri yang nyata kitab Al-Qur'an, oleh sebab itu ayat-ayatnya dijelaskan dengan rapi mengikut pertimbangan-pertimbangan ini:

كِتَٰبٌ فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥ قُرْءَانًا عَرَبِيًّا لِّقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿٣﴾

"Sebagai bacaan di dalam bahasa Arab untuk golongan orang-orang yang mengetahui."(3)

Kerana mereka mempunyai kesediaan dan bakat bagi menerima ilmu pengetahuan dan membeza di antara yang hak dengan yang batil.

Tugas Al-Qur'an ialah:

بَشِيرًا وَنَذِيرًا

"Yang membawa berita gembira dan membawa amaran 'azab."(4)

Al-Qur'an memberi berita gembira kepada orang-orang Mu'min yang beramal dan memberi amaran kepada pendusta-pendusta yang bertindak jahat. Ia menjelaskan sebab-sebab penyampaian berita gembira dan sebab-sebab penyampaian amaran dengan uslub bahasa Arab yang amat jelas kepada kaum yang menggunakan bahasa Arab, tetapi sayang kebanyakkan mereka tidak menerima dan menyambutnya:

فَأَعْرَضَ أَكْثَرُهُمْ فَهُمْ لَا يَسْمَعُونَ ﴿٤﴾

"Tetapi kebanyakkan mereka berpaling darinya. Oleh kerana itu mereka tidak mahu mendengarnya."(4)

Mereka berpaling dari Al-Qur'an dan tidak mahu mendengarnya. Mereka berhati-hati menjaga diri dari mendedahkan hati mereka kepada pengaruh Al-Qur'an yang amat kuat itu. Mereka menghasut orang ramai supaya jangan mendengar Al-Qur'an sebagaimana tersebut di dalam perkataan mereka di dalam ayat yang akan datang:

لَا تَسْمَعُوا۟ لِهَٰذَا ٱلْقُرْءَانِ وَٱلْغَوْا۟ فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka."(26)

Kadang-kadang mereka mendengar Al-Qur'an tetapi seolah-olah mereka tidak mendengarnya

kerana mereka melawan pengaruh Al-Qur'an ini di dalam hati mereka. Jadi mereka seolah-olah pekak tidak dapat mendengar.

وَقَالُوا قُلُوبُنَا فِي أَكِنَّةٍ مِّمَّا تَدْعُونَا إِلَيْهِ وَفِي آذَانِنَا وَقْرٌ وَمِن بَيْنِنَا وَبَيْنِكَ حِجَابٌ فَاعْمَلْ إِنَّنَا عَامِلُونَ ﴿٥﴾

"Dan mereka berkata: Hati kami dalam tutupan yang (menghalangi kami) dari da'wah yang engkau serukan kami kepadanya, dan di dalam telinga kami terdapat sumbatan dan di antara kami dengan engkau ada dinding. Oleh itu bekerjalah engkau untuk diri engkau dan kami bekerja untuk diri kami."(5)

Mereka berkata begitu untuk menunjukkan kedegilan mereka dan untuk memutuskan harapan Rasulullah s.a.w. supaya beliau tidak lagi berda'wah kepada mereka. Ini disebabkan kerana mereka dapati kalimat-kalimat Al-Qur'an itu mempengaruhi hati mereka sedangkan mereka tidak mahu beriman kepadanya.

Mereka berkata: Hati kami telah tertutup, oleh itu kalimat-kalimat da'wahmu tidak akan sampai kepadanya. Telinga kami juga telah tersumbat dan kerana itu ia tidak dapat mendengar da'wahmu. Di antara kami dan engkau dipisahkan oleh satu dinding kerana itu tiada hubungan di antara kami dengan engkau. Tinggalkan kami sendirian, jangan ganggu kami. Bekerjalah untuk dirimu dan kami bekerja untuk diri kami. Atau mereka bermaksud mengatakan: Kami tidak pedulikan perkataanmu dan perbuatanmu, kami tidak pedulikan amaran dan ancamanmu. Jika engkau suka teruskanlah perjalananmu dan kami akan teruskan perjalanan kami. Buatlah apa yang kamu suka, kami tidak akan tunduk kepadamu, ancamlah kami sesuka engkau, kami tidak akan pedulikannya.

Inilah contoh penentangan yang diterima oleh penda'wah pertama Rasulullah s.a.w. tetapi beliau terus berda'wah. Beliau tidak pernah berhenti berda'wah. Beliau tidak berputus asa walaupun orang-orang kafir cuba memutuskan harapannya. Beliau tidak merasa lambat terlaksananya janji-janji Allah kepadanya dan tidak pula merasa lambat berlakunya ancaman-ancaman Allah terhadap orang-orang yang mendustakannya. Dia disuruh mengumumkan kepada mereka bahawa urusan pelaksanaan ancaman-ancaman Allah itu bukan terletak di tangannya, kerana dia hanya seorang manusia yang bertugas menerima wahyu dan menyampaikannya. Dia bertugas menyeru manusia kepada Allah Yang Maha Esa dan kepada sikap berdiri teguh dan jujur di jalan Allah, juga memberi amaran kepada orang-orang Musyrikin sebagaimana yang diperintah-kan oleh Allah. Dan selepas itu dia tidak mempunyai apa-apa kuasa lagi. Dia hanya seorang manusia yang menerima perintah sahaja:

قُلْ إِنَّمَا أَنَا بَشَرٌ مِّثْلُكُمْ يُوحَىٰ إِلَيَّ أَنَّمَا إِلَٰهُكُمْ إِلَٰهٌ وَاحِدٌ فَاسْتَقِيمُوا إِلَيْهِ وَاسْتَغْفِرُوهُ ۗ وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾

"Katakanlah: Sesungguhnya aku seorang manusia seperti kamu. Aku telah diwahyukan bahawa Tuhan kamu adalah Tuhan Yang Maha Esa. Oleh itu hendaklah kamu tetap di atas jalan yang lurus menuju kepada-Nya dan pohonlah keampunan daripada-Nya. Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin."(6)

Alangkah agungnya kesabaran, ketahanan, keimanan dan penyerahan diri kepada Allah. Tiada yang mengetahui bagaimana sulit dan sukarnya untuk bersabar menghadapi penentangan dan pendustaan orang-orang kafir yang angkuh dan sewenang-wenang itu tanpa meminta supaya Allah mempercepatkan janji 'azab-Nya menimpa pendusta-pendusta yang bermaharajalela itu. Tiada yang mengetahui bagaimana sulit dan sukarnya untuk bersabar seperti itu melainkan orang yang menempuh sendiri suasana perjuangan yang sukar itu di alam kenyataan, kemudian ia terus berjuang.

Memandang kepada kesulitan perjuangan yang seperti inilah, maka arahan bersabar banyak sekali ditujukan kepada para Anbia' dan rasul-rasul kerana jalan perjuangan da'wah itu ialah jalan bersabar iaitu bersabar dalam masa yang panjang, kerana perkara pertama yang memerlukan kesabaran ialah wujudnya keinginan yang berkobar-kobar untuk melihat da'wah mencapai kemenangan dan wujudnya perasaan yang merasakan kemenangan itu lambat tercapai, malah merasakan tanda-tanda kemenangan itu juga lambat dapat dilihat. Hakikat ini perlu diserahkan kepada Allah dan diterima dengan penuh kerelaan.

Perintah yang paling tinggi kepada Rasulullah s.a.w. dalam menghadapi keangkuhan dan kesewenangan-kesewenangan ialah memberi ancaman:

وَوَيْلٌ لِّلْمُشْرِكِينَ ﴿٦﴾ الَّذِينَ لَا يُؤْتُونَ الزَّكَاةَ وَهُم بِالْآخِرَةِ هُمْ كَافِرُونَ ﴿٧﴾

"Dan kecelakaan yang besar disediakan bagi para Musyrikin (6). Para Musyrikin yang tidak menunaikan zakat dan mereka mengingkarkan hari Akhirat."(7)

Menyebut zakat khusus di tempat ini tentulah ada suatu kaitan yang tertentu yang kita tidak mengetahuinya, kerana ayat ini adalah ayat Makkiyah dan zakat hanya difardhukan pada tahun yang kedua hijrah di Madinah walaupun asal rukun zakat itu telah terkenal sejak di Makkah lagi. Perkara baru di Madinah mengenai rukun zakat ialah penjelasan nisab-nisabnya dan pungutan-pungutannya sebagai satu fardhu yang diwajibkan, sedangkan kedudukan zakat di zaman Makkah hanya merupakan suatu perintah umum yang ditunaikan secara sukarela dan tidak terbatas. Dan penunaian zakat itu hanya terserah kepada dhamir sahaja. Mengenai keingkaran

terhadap Akhirat, maka ia merupakan keingkaran yang dibalaskan dengan kecelakaan dan kebinasaan.

Setengah-setengah Mufassirin berpendapat bahawa yang dimaksudkan dengan zakat di sini ialah keimanan dan kebersihan dari syirik.[1] Pendapat ini juga boleh diterima di dalam suasana yang seperti ini.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 9 - 12)

Kemudian Rasulullah s.a.w. terus mendedahkan kepada mereka betapa kejinya perbuatan jenayah syirik dan kufur yang dilakukan mereka. Setelah itu beliau membawa mereka ke ruang alam yang lebar, iaitu ruang langit dan bumi, di mana mereka hanya merupakan satu makhluk yang kerdil dan kecil jika dibandingkan dengan alam yang lebar itu. Tujuan beliau membawa mereka ke ruang alam buana ini ialah untuk menunjukkan kekuasaan Allah yang diingkarkan mereka yang wujud dalam fitrah alam buana ini, di mana mereka merupakan sebahagian darinya juga untuk mengeluarkan mereka dari-sudut yang sempit dan kecil, yang mana dari sudut inilah mereka memandang da'wah Islam ini, dan dari sinilah mereka memandang diri mereka begitu besar dan agung. Mereka sibuk memandang diri mereka dan memikirkan mengapa Muhammad dipilih menjadi Rasul bukannya mereka. Mereka sibuk mengutamakan kedudukan dan kepentingan mereka dan sebagainya dari perhitungan-perhitungan peribadi yang kecil. Kesibukan inilah yang membuat mereka tidak dapat memikirkan hakikat agung yang dibawa oleh Muhammad s.a.w., dan diterangkan satu persatu oleh Al-Qur'an, iaitu hakikat yang berhubung dengan langit dan bumi, hakikat yang berhubung dengan seluruh umat manusia di seluruh zaman dan hakikat yang berhubung dengan kebenaran yang agung yang melewati zaman, tempat dan diri mereka dan berhubung dengan seluruh alam buana:

قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَرْضَ فِى يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩﴾ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ مِن فَوْقِهَا وَبَٰرَكَ فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقْوَٰتَهَا فِىٓ أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَآءً لِّلسَّآئِلِينَ ﴿١٠﴾

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ٱئْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ ﴿١١﴾

[1] *Kerana salah satu dari makna-makna kata zakat ialah kebersihan – penterjemah.*

فَقَضَىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَاتٍ فِى يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِى كُلِّ سَمَآءٍ أَمْرَهَا ۚ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفْظًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿١٢﴾

"Katakanlah: Apakah, patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (9). Dan Dia ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya) dalam masa empat hari yang sama untuk semua yang bertanya (tentang penciptaan bumi) (10). Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati (11). Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing. Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12)

Katakanlah kepada mereka bahawa kekufuran kamu dan kelancangan kamu mengeluarkan kalimat kufur yang berat dengan sewenang-wenang itu adalah satu perbuatan yang amat keji. Kamu tergamak mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dan gunung-gunung, Allah yang telah melimpahkan keberkatan di merata pelosok bumi dan menentukan makanan-makanan kepada penghuninya, Allah yang telah mencipta langit dan mengatur pentadbirannya dan menghiaskan langit yang dekat ini dengan bintang-bintang selaku lampu yang terang benderang dan Allah yang dita'ati dan dipatuhi oleh langit dan bumi. Hanya kamu sahaja sebahagian dari penduduk bumi ini yang enggan ta'at kepada Allah dan berlagak sombong.

Tetapi Al-Qur'an mengemukakan hakikat-hakikat ini dengan gaya uslubnya yang dapat menembusi ke dasar hati manusia dan mengocakkannya. Marilah kita ikuti cara penerangan Al-Qur'an dengan tertib dan terperinci:

قُلْ أَئِنَّكُمْ لَتَكْفُرُونَ بِٱلَّذِى خَلَقَ ٱلْأَرْضَ فِى يَوْمَيْنِ وَتَجْعَلُونَ لَهُۥٓ أَندَادًا ۚ ذَٰلِكَ رَبُّ ٱلْعَٰلَمِينَ ﴿٩﴾ وَجَعَلَ فِيهَا رَوَٰسِىَ مِن فَوْقِهَا وَبَٰرَكَ فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقْوَٰتَهَا فِىٓ أَرْبَعَةِ أَيَّامٍ سَوَآءً لِّلسَّآئِلِينَ ﴿١٠﴾

"Katakanlah: Apakah patut kamu mengingkarkan Allah yang telah menciptakan bumi dalam masa dua hari dan (apakah patut) kamu mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam (9). Dan Dia

ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya) dalam masa empat hari yang sama untuk semua yang bertanya (tentang penciptaan bumi)."(10)

Al-Qur'an menyebut hakikat penciptaan bumi dalam masa dua hari kemudian diiringi dengan kenyataan sebelum selesai membentangkan kisah penciptaan bumi:

"Itulah Allah Tuhan yang memelihara semesta alam."(9)

Hakikat Penciptaan Bumi Dalam Masa Dua Hari

Patutkah kamu kafir terhadap Allah dan mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya, sedangkan Dialah yang menciptakan bumi yang didiami kamu? Alangkah sombongnya dan sewenang-wenangnya sikap kamu dan alangkah kejinya perbuatan kamu!

Apakah yang dimaksudkan dengan dua hari diciptakan bumi dan dua hari pula diciptakan gunung-ganang dan ditentukan makanan-makanan serta dikurniakan keberkatan dan semuanya selesai dalam masa empat hari?

Hari-hari yang dimaksudkan di sini tidak syak lagi ialah hari-hari Allah. Dialah sahaja yang mengetahui sepanjang mana masanya. Hari-hari yang disebutkan itu bukannya hari-hari bumi ini, kerana hari-hari bumi merupakan satu ukuran yang baru sahaja wujud selepas diciptakan bumi. Jika bumi mempunyai hari-harinya iaitu masa pusingannya di sekitar dirinya di hadapan matahari maka planet-planet dan bintang-bintang yang lain juga mempunyai hari-harinya masing-masing yang berlainan dari hari-hari bumi. Setengahnya lebih pendek dari hari bumi dan setengahnya lebih panjang.

Hari-hari, di mana diciptakan bumi, gunung-ganang dan ditentukan makanan-makanan penghuninya adalah hari-hari yang lain dari hari bumi, iaitu hari yang diukur dengan ukuran yang lain yang tidak kita ketahui, tetapi kita hanya tahu bahawa ia adalah jauh lebih panjang dari hari-hari bumi yang terkenal itu.

Masa yang paling dekat yang dapat kita fahami dari ilmu pengetahuan yang dicapai manusia ialah masa-masa yang dilalui bumi peringkat demi peringkat hingga bumi itu mantap dan kulitnya keras dan layak untuk menampung hayat. Masa-masa ini menurut teori-teori yang ada pada kita ialah kira-kira dua ribu juta tahun dari tahun-tahun bumi kita.

Ini hanya semata-mata andaian ilmiyah sahaja yang disandarkan kepada kajian batu-batan dan dengan perantaraan kajian ini diukur umur bumi. Tetapi di dalam pengkajian Al-Qur'an, kami tidak menggunakan andaian-andaian itu sebagai hakikat-hakikat yang final. Kerana andaian-andaian itu pada asalnya bukannya hakikat. Ia hanya merupakan teori-teori yang boleh berubah. Oleh sebab itu kami tidak mahu meletakkan Al-Qur'an di atasnya. Kami hanya mengatakan bahawa andaian-andaian itu mungkin betul apabila kami dapati ada titik-titik persamaan di antara andaian-andaian itu dengan nas-nas Al-Qur'an dan apabila kami dapati andaian-andaian itu boleh mentafsirkan Al-Qur'an tanpa berbelit-belit. Dari sinilah kami kira sesuatu teori lebih hampir kepada betul apabila ia lebih hampir dengan kehendak nas Al-Qur'an.

Pendapat yang kuat dari teori-teori ilmiyah sekarang ialah bumi ini pada asalnya adalah sebuah bola api yang bernyala-nyala yang berada di dalam keadaan gas seperti matahari sekarang. Dan pendapat yang terkuat ialah bumi ini pada asalnya adalah sepotongan dari matahari yang terpisah darinya dengan sebab-sebab yang belum mencapai kata sepakat. Ia mengambil masa yang amat panjang hingga kulitnya menjadi sejuk dan keras. Dan bahagian dalam perutnya masih berada dalam keadaan cair kerana terlalu panas dan darjah kepanasannya boleh meleburkan sekeras-keras batu.

Apabila kulit bumi itu sejuk ia pun membeku dan keras. Pada peringkat awal kulit bumi itu merupakan batu-batu yang pejal yang berlapis-lapis.

Pada peringkat masa yang amat awal, lautan-lautan telah terjadi sebagai hasil dari percantuman hidrogen dan oksigen dan dari percantuman keduanya terjadilah air.

> "Angin dan air di bumi kita telah bekerjasama menghancurkan batu batan, memindah dan memendapkannya hingga akhirnya mewujudkan tanah yang dapat ditanam. Kedua-duanya juga telah bekerjasama memotong gunung-ganang, bukit-bukau dan tanah-tanah tinggi dan memenuhkan gaung-gaung. Oleh itu boleh dikatakan tiada suatu pun di muka bumi ini melainkan semuanya mempunyai kesan-kesan diruntuh dan dibina.[2]
>
> "Kulit bumi ini sentiasa bergerak dan berubah, dan pergerakan ombak-ombak lautan sentiasa menjejaskan kulit bumi. Apabila air lautan mengewap dengan kekuatan cahaya matahari, maka ia akan naik ke langit membentuk awan-awan yang menurunkan air hujan yang tawar. Air itu mencurah ke bumi dengan lebatnya dan terjadilah banjir-banjir dan sungai-sungai yang mengalir di kulit bumi dan menjejaskannya, ia menjejaskan batu-batu bumi, menghancur dan mengubahkannya dari satu batu ke satu batu yang lain (yakni dari satu jenis batu kepada satu jenis batu yang lain) dan setelah itu ia membawa dan memindahkannya ke tempat-tempat lain. Muka bumi ini sentiasa berubah-ubah di sepanjang abad, beratus-ratus abad dan beribu-ribu abad. Salji-salji yang, membeku di muka bumi juga bekerja seperti air yang mengalir. Angin-angin menjejaskan muka

---

[2] *Dari kitab* مع الله في السماء *oleh Dr. Ahmad Zaki.*

bumi sama seperti yang dilakukan air. Matahari menjejaskan muka bumi sama seperti air dan angin iaitu ia menjejaskannya dengan kekuatan api dan cahayanya yang menyuarkan permukaan bumi. Makhluk-makhluk yang hidup di bumi ini juga turut mengubahkan permukaannya. Begitu juga gunung-gunung berapi yang meledak dari perut bumi itu juga turut mengubahkan permukaannya.

"Jika anda bertanya ahli kaji bumi tentang batu-batu kulit bumi, ia akan menghuraikan berbagai-bagai jenis batu. Ia akan menceritakan kepada anda tentang tiga jenis batu yang utama.

"Ia akan menceritakan tentang batu api, iaitu batu yang meledak keluar dari perut bumi dalam bentuk cecair kemudian mendingin beku seperti batu granit dan batu basalt yang mengandungi kristal-kristal putih, merah atau hitam. Setiap kristal ini menunjukkan adanya sebatian kimia yang mempunyai entiti sendiri. Batu-batu ini bercampuraduk, dan dari batu-batu api dan batu seumpamanya inilah terbentuknya kulit bumi di zaman-zaman antah berantah. Kemudian ia dihancurkan oleh air hujan yang turun dari langit atau air yang mengalir di bumi atau air yang membeku pada salji. Angin dan matahari juga turut mengubahkan batu-batu ini kepada batu-batu lain.

"Kemudian ahli kaji bumi akan menerangkan kepada anda jenis batu terbesar yang kedua yang mereka namakannya sebagai batu mendap iaitu batu-batu hancuran dari batu-batu asal di bumi yang dihakiskan oleh kekuatan air, angin dan matahari atau dengan tindakan makhluk-makhluk yang hidup. Mereka namakannya batu-batu mendap kerana ia tidak didapati di tempat-tempatnya yang pertama. Malah batu-batu ini dibawa oleh arus air atau diterbangkan oleh angin setelah dihancurkan batu-batunya yang pertama atau sedang dalam proses pengeluaran kemudian turun, mendap dan menetap di bumi. Sebagai contoh batu mendap ialah batu kapur yang membentuk bukit seperti Bukit al-Muqattam, yang mana dari batu bukit inilah dibuat bangunan-bangunan di kaherah, dan ia berkata lagi bahawa batu kapur itu merupakan satu sebatian kimia yang dikenali sebagai karbonat kalsium, ia dihancurkan di bumi dari perbuatan dan tindakan makhluk-makhluk yang hidup atau tindakan kimia. Sebagai contohnya ialah pasir dan tanah liat semuanya merupakan hancuran dari batu-batu asal yang terdahulu.

"Batu asal bagi batu-batu mendap ini ialah batu-batu api yang membeku selepas ia cair di permukaan bumi di zaman permulaan jadi bumi. Di waktu itu tiada suatu pun di atas permukaan bumi yang membeku itu melainkan hanya batu-batu api sahaja, kemudian batu-batu ini dihakiskan oleh air, lautan, gas-gas, ribut taufan dan matahari. Semuanya bekerjasama mengubahkan batu api yang pejal yang tidak berguna kepada batu yang berguna untuk membina rumah dan mengeluarkan logam-logam dan dari batu api ini, juga dikeluarkan tanah yang mendap di permukaan bumi yang membuka jalan kepada kewujudan makhluk-makhluk yang hidup.

"Batu granit tidak berguna untuk tumbuhan, tetapi yang berguna ialah tanah-tanah yang keluar dari batu granit atau batu-batu seumpamanya, kerana dengan lahirnya tanah-tanah ini lahirlah tumbuh-tumbuhan, dan dengan lahirnya tumbuh-tumbuhan lahirlah pula haiwan, dan dengan itu lengkaplah persediaan untuk menyambut kedatangan ketua makhluk-makhluk di bumi iaitu manusia."[3]

Perjalanan bumi yang amat lama yang diandaikan oleh sains moden ini mungkin dapat menolong kita untuk memahami makna **"hari-hari"** dalam mana Allah menciptakan bumi dan gunung-ganang yang teguh, melimpahkan keberkatan dan menentukan kadar-kadar makanan dalam masa empat hari dari hari-hari Allah yang kita tidak mengetahui hakikatnya. Sepanjang manakah hari itu? Yang kita tahu dengan pasti ialah hari-hari itu bukannya hari-hari bumi ini.

Marilah kita berdiri sebentar di hadapan setiap potongan ayat Al-Qur'an sebelum kita meninggalkan bumi ini menuju ke langit.

وَجَعَلَ فِيهَا رَوَاسِيَ مِن فَوْقِهَا

"Dan Dia ciptakan di atas bumi gunung-gunung yang teguh."(10)

Pada ayat-ayat yang lain diterangkan bahawa sebab diadakan gunung yang teguh itu ialah supaya bumi menjadi teguh tidak bergoyang, dengan erti gunung-ganang itulah yang meneguhkan kedudukan bumi dan memelihara imbangannya supaya tidak bergoyang. Satu zaman telah berlalu, di mana bumi terapung-apung di angkasaraya tanpa bersandar kepada sesuatu apa. Mungkin mereka terkejut pada pertama kalinya apabila dikatakan begitu dan mungkin pula ada di antara mereka menjeling kiri kanan kerana takut bumi ini bergoyang-goyang atau jatuh ke dalam gaung angkasaraya. Tetapi bertenanglah kerana tangan qudrat Allah memegangnya supaya ia dan langit tidak jatuh dan kerana undang-undang yang mengadilikan alam buana ini amat kukuh kerana ia dari ciptaan Allah Yang Maha Kuat dan Maha Perkasa.

Marilah kita kembali pula kepada gunung-ganang yang disifatkan oleh Al-Qur'an sebagai teguh dan meneguhkan kedudukan bumi supaya, tidak bergoyang. Sebagaimana telah kami jelaskan di satu tempat yang lain dari tafsir ini bahawa barangkali gunung-ganang itulah yang menjaga imbangan di antara tanah-tanah rendah di lautan-lautan dengan tanah-tanah tinggi di bumi supaya tidak bergoyang.

Dengarlah seorang ahli sains berkata:

"Setiap kejadian yang berlaku di bumi sama ada di permukaan atau di bawah permukaannya, yang

---

[3] *Sumber yang sama.*

mana kesannya boleh memindahkan sesuatu benda dari satu tempat ke satu tempat yang lain adalah menjejaskan kederasan peredarannya. Pasang surut air itu bukanlah satu faktor tunggal yang melambatkan kederasan bumi, malah air yang dipindahkan oleh sungai-sungai dari satu sudut bumi ke satu sudut yang lain juga menjejaskan kederasan peredaran bumi. Angin-angin yang berpindah juga menjejaskan kederasan peredaran bumi, kemantapan yang berlaku di dasar-dasar taut dan timbulnya sesuatu kawasan di permukaan bumi di sana sini boleh menjejaskan kederasan peredaran bumi. Dan di antara sebab yang menjejaskan kederasan bumi ialah apabila bumi mengembang atau menguncup kerana sesuatu sebab walaupun penguncupan dan pengembangan itu hanya sedikit sahaja iaitu tidak lebih atau kurang dari beberapa kaki sahaja."[4]

Bagi bumi yang sensitif begini, tentulah tidak menghairankan jika gunung-ganang yang teguh itu berfungsi sebagai penjaga imbangannya dan pengawal yang menghalangkannya dari bergoyang seperti yang telah diterangkan oleh Al-Qur'an sejak empat belas abad yang silam.

وَبَٰرَكَ فِيهَا وَقَدَّرَ فِيهَآ أَقْوَٰتَهَا

"Serta memberkatinya dan menentukan kadar-kadar makanan (kepada penghuni-penghuninya)."(10)

Ayat ini telah memindahkan kepada fikiran orang-orang yang terdahulu dari kita gambaran tanaman yang subur di bumi dan gambaran logam-logam yang berguna seperti emas, perak, besi dan sebagainya yang disembunyikan Allah di dalam perut bumi, tetapi pada hari ini selepas Allah menunjukkan kepada manusia berbagai-bagai benda dari limpah keberkatannya di bumi dan berbagai-bagai benda dari aneka makanan yang tersimpan di bumi sekian lama, maka pengertian ayat ini telah meluas berganda-ganda di dalam fikiran kita.

Kita telah pun melihat bagaimana anasir-anasir udara bekerjasama mewujudkan air, bagaimana air, udara, matahari dan angin ribut bekerjasama mewujudkan tanah yang boleh ditanam dan bagaimana air, matahari dan angin ribut bekerjasama mewujudkan hujan yang menjadi sumber seluruh air tawar sama ada dalam bentuk sungai-sungai yang nampak atau dalam bentuk sungai-sungai yang tidak nampak, iaitu sungai-sungai yang lahir dalam bentuk matair-matair dan perigi-perigi. Semuanya ini merupakan dari asas-asas keberkatan dan makanan.

Di sana ada udara dan dari udaralah wujudnya pernafasan kita dan tubuh badan kita.

"Bumi merupakan sebiji bola yang dibaluti kulit dari batu, dan kebanyakan batu itu pula dibaluti lapisan air, kemudian batu dan air itu pula dibaluti lapisan udara iaitu satu lapisan gas yang tebal seperti laut yang mempunyai pedalaman-pedalamannya. Dan di pedalaman inilah kita umat manusia, haiwan-haiwan dan tumbuh-tumbuhan hidup senang-lenang.

"Dari udara kita mengambil pernafasan kita iaitu dari oksigennya, dan dari udara tumbuh-tumbuhan membina jisimnya iaitu dari karbon dioksidanya. Dari karbon dioksida itulah tumbuh-tumbuhan membina jisimnya. Kemudian kita makan tumbuh-tumbuhan itu dan makan pula binatang-binatang yang makan tumbuh-tumbuhan. Dan dari tumbuh-tumbuhan dan binatang-binatang inilah kita membina jisim kita. Yang tinggal dari gas-gas udara ialah nitrogen. Gas ini ialah untuk menipiskan oksigen supaya kita tidak terbakar dengan nafas-nafas kita. Yang tinggal ialah wap air untuk mendinginkan udara. Yang tinggal lagi ialah sekumpulan gas-gas yang terdapat dengan kadar-kadar yang kecil dalam udara iaitu argon, helium, neon dan lain-lain kemudian hidrogen. Semua gas-gas ini tertinggal di udara dari saki-baki penciptaan bumi yang pertama."[5]

Bahan-bahan yang kita makan dan yang kita mengambil manfa'at darinya dalam kehidupan kita semuanya cantuman-cantuman dari anasir-anasir asli yang dikandungi bumi di dalam perutnya atau di dalam udaranya. Sebagai contoh ialah gula, apakah gula? Gula adalah cantuman dari karbon, hidrogen dan oksigen. Air pula tersusun dari hidrogen dan oksigen. Demikianlah segala sesuatu yang kita guna dari makanan, minuman, pakaian atau alat adalah semuanya merupakan cantuman dari anasir-anasir yang tersimpan di bumi.

Semuanya ini hanya menunjukkan secebis keberkatan dan penentuan makanan yang dikurniakan Allah yang disempurnakan dalam masa empat hari, iaitu peringkat-peringkat masa yang amat panjang, iaitu hari-hari Allah yang tiada siapa mengetahui kadarnya melainkan Dia.

ثُمَّ ٱسْتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِىَ دُخَانٌ فَقَالَ لَهَا وَلِلْأَرْضِ ٱئْتِيَا طَوْعًا أَوْ كَرْهًا قَالَتَآ أَتَيْنَا طَآئِعِينَ ﴿١١﴾ فَقَضَىٰهُنَّ سَبْعَ سَمَٰوَاتٍ فِى يَوْمَيْنِ وَأَوْحَىٰ فِى كُلِّ سَمَآءٍ أَمْرَهَا ۚ وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنْيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفْظًا ۚ ذَٰلِكَ تَقْدِيرُ ٱلْعَزِيزِ ٱلْعَلِيمِ ﴿١٢﴾

"Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap, lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati

---

[4] *Sumber yang sama.*

[5] *Sumber yang sama.*

(11). Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing. Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya. Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12)

Dimaksudkan dengan "استواء" (istiwa') di sini ialah "menuju", dan menuju bagi Allah ialah penentuan iradat- Nya. Kata-kata "ثم" (kemudian) dalam ayat ini mungkin tidak dimaksudkan dengan erti tertib masa, tetapi dimaksudkan dengan erti peningkatan yang niskala kerana langit pada tanggapan perasaan adalah lebih luhur dan lebih tinggi.

ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِيَ دُخَانٌ

"Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap."(11)

Di sana terdapat kepercayaan bahawa sebelum bintang-bintang ini wujud, di sana terdapat kepulan gas yang dipanggil nebula iaitu asap.

> "Nebula-nebula - sama ada yang cerah atau yang gelap - adalah saki-baki dari penciptaan bintang-bintang. Menurut teori penciptaan: Galaksi atau gugusan-gugusan bintang itu adalah berasal dari gas dan debu. Dari paduan gas dan debu yang menebal dan memekat inilah terjadinya bintang-bintang yang kemudian meninggal saki-baki, dan dari saki-baki inilah terjadinya nebula. Dan dari saki-baki gas dan debu itu masih bertaburan dalam galaksi yang amat luas itu iaitu sebanyak gas dan debu yang telah membentuk bintang itu. Dan kini bintang-bintang masih menarik gas dan debu kepadanya dengan daya tarikannya. Bintang-bintang itu menyapu langit dan gas dan debu-debu itu, tetapi walaupun bilangan penyapu-penyapu, itu begitu banyak, namun masih dikira amat kecil jika dibandingkan dengan kawasan yang amat luas yang hendak disapukannya".[6]

Pendapat ini boleh jadi betul kerana ia lebih dekat dengan pengertian ayat Al-Qur'an:

ثُمَّ ٱسۡتَوَىٰٓ إِلَى ٱلسَّمَآءِ وَهِيَ دُخَانٌ

"Kemudian Dia menuju ke langit dan pada ketika itu ia masih berupa asap."(11)

Juga lebih dekat dengan keterangan Al-Qur'an bahawa penciptaan langit itu mengambil masa yang lama iaitu, dalam masa dua hari dari hari-hari Allah.

Kemudian kita berdiri pula di hadapan satu hakikat yang amat besar:

فَقَالَ لَهَا وَلِلۡأَرۡضِ ٱئۡتِيَا طَوۡعًا أَوۡ كَرۡهًا قَالَتَآ أَتَيۡنَا طَآئِعِينَ ﴿١١﴾

"Lalu Dia berfirman kepadanya dan kepada bumi: Junjunglah kedua kamu perintah-Ku sama ada dengan kerelaan hati atau dengan terpaksa. Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati."(11)

Ini adalah satu isyarat yang menarik yang membayangkan kepatuhan alam buana kepada undang-undang Ilahi, juga membayangkan adanya hubungan alam buana dengan Penciptanya iaitu hubungan ta'at dan menyerah kepada perintah dan kehendak iradat-Nya. Di sini jelaslah bahawa di sana tiada makhluk yan lain melainkan hanya makhluk insan sahaja yang ta'at secara terpaksa kepada undang-undang Ilahi pada kebanyakan waktu. Memanglah manusia itu pasti tunduk kepada undang-undang Ilahi ini, kerana dia tidak berupaya menentang undang-undang itu. Dia hanya satu piring yang kecil di dalam roda alam buana yang besar, dan seluruh undang-undang alam sentiasa berlaku di atasnya sama ada dia suka atau tidak suka, namun begitu dia sahaja yang tidak patuh kepada Allah seperti patuhnya bumi dan langit. Dia cuba melepaskan diri dan menyeleweng dari jalan yang lemah-lembut, dan akibatnya dia berlanggar dengan undang-undang yang pasti mengalahkannya dan kadang-kadang menghancurkannya, oleh sebab itu ia menyerah dan tunduk tanpa ta'at kecuali hamba-hamba Allah yang seluruh hati, gerak-geri, pemikiran, kemahuan, keinginan dan kecenderungan rnereka berada dalam hubungan damai dan baik dengan undang-undang Ilahi. Merekalah sahaja yang datang dengan patuh dan berjalan dengan lemah-lembut bersama roda alam yang besar menuju kepada Allah yang berhubung rapat dengan-Nya dengan segala kekuatan yang ada padanya, ketika itu mereka dapat melakukan mu'jizat-mu'jizat kerana mereka berbaik dengan undang-undang Ilahi dan mengambil kekuatan-Nya dari kekuatan undang-undang itu. Mereka adalah dari undang-undang Ilahi dan undang-undang Ilahi menyelubungi mereka di dalam perjalanan menuju kepada Allah dengan penuh keta'atan.

Kita insan tunduk kepada Allah secara terpaksa, sepatutnya kita tunduk dengan sukarela, sepatutnya kita menjunjung perintah Ilahi sama seperti bumi dan langit menjunjungnya, iaitu menjunjung dengan rela dan gembira sama seperti roh alam al-wujud yang sentiasa tunduk, patuh dan menyerah kepada Allah.

Kita kadang-kadang membuat gerak-geri yang lucu. Roda taqdir Ilahi berpusing mengikut caranya, mengikut kederasannya dan mengikut arah tujuannya. Roda taqdir itu memusingkan seluruh alam buana bersamanya mengikut undang-undang yang tetap, tiba-tiba kita datang mahu berjalan cepat atau berjalan lambat di tengah angkatan alam buana yang besar itu. Jiwa kita mengalami keluh-kesah, gopoh, tamak, kepingin dan cemas apabila kita berpisah dari roda alam dan menyimpang dari jalan yang lurus dan kita sesat di sana sini, kita bergesel dengan penyekat ini dan penutup itu menyebabkan kita merasa sakit, kita berlanggar di sana sini, menyebabkan kita hancur sedangkan roda alam berpusing terus mengikut kederasannya dan mengikut caranya menuju

---

[6] *Sumber yang sama.*

matlamatnya, sementara seluruh kekuatan dan tenaga kita hilang percuma. Tetapi apabila hati kita benar-benar beriman dan patuh kepada Allah dan benar-benar berhubung rapat dengan roh alam al-wujud, nescaya kita dapat mengetahui hakikat peranan kita, dan kita dapat menyesuaikan langkah-langkah kita dengan langkah-langkah taqdir Ilahi dan kita dapat bergerak dalam masa yang sesuai dengan kederasan yang sesuai dan sejauh yang sesuai. Kita akan bergerak dengan kekuatan alam al-wujud seluruhnya, iaitu kekuatan yang diambil dari Pencipta alam al-wujud. Kita akan dapat melakukan kerja-kerja yang besar tanpa dipengaruhi perasaan sombong dan angkuh kerana kita tahu di mana sumber kekuatan yang membolehkan kita melaksanakan kerja-kerja yang besar itu. Kita yakin bahawa kekuatan itu bukan kekuatan kita. Kekuatan alam itu kuat kerana ia berhubung dengan kekuatan Ilahi yang agung.

Alangkah besarnya keredhaan, kebahagiaan, kerehatan dan ketenteraman yang menyelubungi hati kita pada hari itu dalam perjalanan hidup kita yang pendek di bumi yang patuh kepada Allah, iaitu bumi yang berjalan bersama kita dalam perjalanannya menuju kepada Allah.

Alangkah besarnya kesejahteraan dan kedamaian yang melimpah dalam jiwa kita ketika kita hidup di alam yang mesra dan patuh kepada Allah bersama-sama dengan kita. Langkah-langkah kita tidak sumbang dari langkah-langkahnya. Dia tidak berseteru dengan kita dan kita tidak berseteru dengannya kerana kita dari dia dan kerana kita bersama dia menuju satu arah:

قَالَتَآ أَتَيۡنَا طَآئِعِينَ ١١ فَقَضَىٰهُنَّ سَبۡعَ سَمَٰوَاتٖ فِي يَوۡمَيۡنِ وَأَوۡحَىٰ فِي كُلِّ سَمَآءٍ أَمۡرَهَاۚ

"Jawab kedua-duanya: Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati.(11) Lalu Dia jadikan tujuh langit dalam masa dua hari dan Dia wahyukan kepada setiap langit urusannya masing-masing."(12)

Dua hari yang dimaksudkan di sini mungkin dua hari di mana terjadinya bintang-bintang dari nebula-nebula itu atau sempurnanya pembentukan bintang-bintang itu sebagaimana yang diketahui Allah. Maksud wahyu kepada setiap langit itu mengisyaratkan kepada penguatkuasaan undang-undang Ilahi pada langit itu, iaitu undang-undang dari bimbingan dan arahan Allah. Langit manakah yang dimaksudkan di sini? Kita tidak dapat menentukannya. Mungkin satu darjah kejauhan merupakan satu langit dan mungkin satu galaksi merupakan satu langit dan mungkin galaksi-galaksi yang terletak dalam jarak-jarak jauh yang berlainan itu merupakan beberapa langit dan mungkin pula pengertian-pengertiannya lain dari ini, iaitu pengertian-pengertian yang dapat ditanggung oleh kata-kata langit dan pengertian-pengertian itu memang banyak.

وَزَيَّنَّا ٱلسَّمَآءَ ٱلدُّنۡيَا بِمَصَٰبِيحَ وَحِفۡظٗاۚ

"Dan Kami telah menghiaskan langit yang dekat dengan bintang-bintang yang terang dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya."(12)

Langit yang dekat itu juga tidak mempunyai satu pengertian yang terbatas mungkin maksudnya ialah galaksi-galaksi yang terdekat kepada kita yang terkenal dengan nama Bima Sakti (Milky Way) yang ukuran garis pusatnya ialah seribu juta tahun cahaya, dan mungkin pula maksudnya lain dari galaksi itu iaitu satu galaksi dari galaksi yang boleh dipanggil langit yang mengandungi bintang-bintang dan planet-planet yang cerah seperti lampu-lampu.

وَحِفۡظٗاۚ

"Dan memeliharakannya dengan sebaik-baiknya."(12)

Yakni Allah memeliharakan langit itu dari syaitan-syaitan sebagaimana diterangkan di tempat-tempat yang lain di dalam Al-Qur'an. Dan kita tidak dapat memperkatakan tentang syaitan itu dengan terperinci lebih dari keterangan sepintas lalu yang diberikan oleh Al-Qur'an. Ini pun sudah cukup untuk kita.

ذَٰلِكَ تَقۡدِيرُ ٱلۡعَزِيزِ ٱلۡعَلِيمِ ١٢

"Itulah perencanaan Allah Yang Maha Perkasa dan Maha Mengetahui."(12)

Yakni tiada yang mengatur perencanaan, pengendalian dan pentadbiran seluruh alam al-wujud melainkan Allah Yang Maha Perkasa, Maha Kuat, Maha Berkuasa dan Maha Mengetahui dengan segala punca dan sumber.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 13 - 18)

Setelah menjelajah ke alam buana yang luas itu, bagaimana pula pendirian orang-orang yang kafir terhadap Allah dan yang mengadakan sekutu-sekutu bagi-Nya? Bagaimana sikap mereka, sedangkan langit dan bumi telah pun menyatakan pendirian mereka masing-masing kepada Allah?

"Kami junjung perintah-Mu dengan kerelaan hati."(11)

Sementara manusia yang kecil seperti semut yang bergerak di bumi mengingkarkan Allah dengan angkuh dan sewenang-wenang. Apakah balasan keangkuhan dan kesewenangan ini?

فَإِنۡ أَعۡرَضُواْ فَقُلۡ أَنذَرۡتُكُمۡ صَٰعِقَةٗ مِّثۡلَ صَٰعِقَةِ عَادٖ وَثَمُودَ ١٣

إِذْ جَآءَتْهُمُ ٱلرُّسُلُ مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ ۖ قَالُوا۟ لَوْ شَآءَ رَبُّنَا لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةً فَإِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾

فَأَمَّا عَادٌ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَقَالُوا۟ مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً ۖ أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً ۖ وَكَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِىٓ أَيَّامٍ نَّحِسَاتٍ لِّنُذِيقَهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا ۖ وَلَعَذَابُ ٱلْءَاخِرَةِ أَخْزَىٰ ۖ وَهُمْ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٦﴾

وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَٰهُمْ فَٱسْتَحَبُّوا۟ ٱلْعَمَىٰ عَلَى ٱلْهُدَىٰ فَأَخَذَتْهُمْ صَٰعِقَةُ ٱلْعَذَابِ ٱلْهُونِ بِمَا كَانُوا۟ يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾

وَنَجَّيْنَا ٱلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ وَكَانُوا۟ يَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud (13). Ketika rasul-rasul datang kepada mereka dari hadapan dan dari belakang mereka (seraya menyeru): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah. Jawab mereka: Jika Tuhan kami kehendaki tentulah Dia akan menurunkan malaikat. Kerana itu kami tidak percaya terhadap agama yang kamu telah diutuskan membawanya (14). Adapun kaum 'Ad mereka telah berlagak angkuh di bumi tanpa alasan yang benar dan mereka berkata: Siapakah yang lebih kuat dari kami? Apakah tidak mereka melihat bahawa Allah yang telah menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka? Dan mereka tetap mengingkari ayat-ayat Kami (15). Lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang selama beberapa hari yang penuh sengsara kerana Kami hendak membuat mereka merasakan 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia, dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih menghinakan lagi, dan mereka tidak akan diberi pertolongan (16). Dan adapun kaum Thamud pula, Kami telah memberi hidayat kepada mereka, tetapi mereka mengutamakan kebutaan (kesesatan) dari hidayat, lalu mereka disambar petir 'azab yang amat menghinakan dengan sebab dosa yang dilakukan mereka (17). Dan Kami telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa."(18)

Amaran yang menakutkan ini:

أَنذَرْتُكُمْ صَٰعِقَةً مِّثْلَ صَٰعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud"(13)

adalah sesuai dengan keburukan dosa kekufuran yang besar dan keji, juga sesuai dengan sikap takbur kaum Musyrikin yang diceritakan di permulaan surah ini, dan seterusnya sesuai dengan sikap manusia-manusia kafir yang keluar dari barisan angkatan alam buana yang besar yang disebut sebelum amaran ini.

Kesan Ayat Amaran Surah Ini Kepada Seorang Pembesar Quraysy 'Utbah Ibn Rabi'ah

Ibn Ishaq telah meriwayatkan kisah amaran ini katanya: Aku telah diceritakan oleh Yazid ibn Ziad dari Muhammad ibn Ka'b al-Qarzi katanya: Aku telah diceritakan bahawa 'Utbah ibn Rabi'ah salah seorang pembesar telah berkata semasa ia duduk di majlis perhimpunan orang-orang Quraysy, sedangkan Rasulullah s.a.w. duduk seorang diri sahaja di dalam masjid: "Wahai kaum Quraysy! Sukakah kamu jika saya pergi menemui Muhammad dan berbicara dengannya dan mengemukakan beberapa tawaran kepadanya semoga dia dapat menerima setengah-setengahnya, dan dapatlah kita berikan kepadanya apa sahaja yang dia suka supaya dia berhenti dari menyakiti kita?" Peristiwa ini berlaku selepas Hamzah memeluk Islam dan mereka melihat bilangan sahabat-sahabat Rasulullah s.a.w. semakin bertambah ramai. Jawab mereka: "Kami setuju, wahai Abul-Walid! Pergilah kepadanya dan berbicaralah dengannya!" Lalu 'Utbah pun bangkit dan terus pergi menemui beliau. Dia duduk mengadap Rasulullah s.a.w. dan berkata: "Wahai anak saudaraku! Sebagaimana anda tahu, anda ini adalah dari kaum kami. Anda mempunyai kedudukan yang terhormat di kalangan keluarga dan darjat yang tinggi dalam keturunan. Anda telah membawa kepada kaum anda satu ajaran yang besar. Dengan ajaran ini anda telah memecah-belahkan perpaduan mereka, membodoh-bodohkan akal fikiran mereka, mencaci tuhan-tuhan mereka dan agama mereka, mengkafirkan datuk nenek mereka. Oleh itu dengarlah cakap saya. Saya mahu kemukakan beberapa tawaran untuk difikirkan anda semoga anda boleh menerima setengah-setengahnya." Jawab Rasulullah s.a.w. "Baiklah! Wahai Abul-Walid! Cakaplah! Saya bersedia mendengarnya." Lalu 'Utbah pun berkata "Wahai anak saudaraku! Jika tujuan anda membawa ajaran ini untuk mendapatkan harta kekayaan, kami sanggup mengumpulkan harta kekayaan kami hingga anda dapat menjadi seorang yang paling kaya di kalangan kami. Dan jika tujuan anda ialah untuk mendapatkan darjat kemuliaan, kami sanggup melantikkan anda sebagai ketua kami dan kami tidak akan membuat sebarang keputusan tanpa persetujuan anda. Dan jika tujuan anda ialah untuk menjadi raja, kami bersedia melantik anda sebagai raja kami. Dan andainya ajaran yang datang kepada anda itu dari rasukan jin yang tidak dapat ditolak oleh anda, maka kami bersedia mencari dukun-dukun dan kami akan membelanjakan harta kami hingga anda sembuh darinya, kerana kadang-kadang jin itu akan

terus mengongkong seseorang hingga ia diubati." Setelah 'Utbah tamat berbicara dan Rasulullah s.a.w. mendengarnya, beliau pun bersabda: "Sudahkah habis apa yang hendak dikatakan anda, wahai Abul Walid?" Jawabnya: "Ya." Lalu Rasulullah s.a.w. bersabda: "Dengarlah pula dari saya". Jawabnya: "Silalah." Lalu (beliau membaca) ...

قال: ((بسم الله الرحمن الرحيم . حم . تنزيل من الرحمن الرحيم . كتاب فصلت آياته قرآناً عربياً لقوم يعلمون . بشيراً ونذيراً فأعرض أكثرهم فهم لا يسمعون))

Kemudian Rasulullah s.a.w. meneruskan bacaannya dan 'Utbah mendengarnya dengan teliti. Dia menghulurkan dua tangannya ke belakang menongkatkan badannya mendengar bacaan itu. Kemudian bacaan Rasulullah s.a.w. berakhir kepada ayat sujud (ayat 38), lalu beliau pun sujud. Setelah itu beliau bersabda: "Wahai Abul-Walid! Anda telah mendengar apa yang saya baca terserahlah kepada anda menimbangkannya". Lalu 'Utbah pun kembali kepada sahabat-sahabatnya. Mereka berkata satu sama lain "Kami bersumpah dengan nama Allah bahawa Abul-Walid telah balik kepada kamu dengan muka yang berlainan dari mukanya sewaktu ia pergi." Apabila 'Utbah duduk mengadap mereka, mereka pun bertanya, "Apa berita, wahai Abul-Walid?" Jawab 'Utbah: "Beritanya aku telah mendengar perkataan-perkataan, yang tidak pernah aku mendengar sepertinya. Demi Allah perkataan-perkataan itu bukannya perkataan-perkataan sihir, bukannya perkataan-perkataan sajak, bukan pula perkataan-perkataan jampi mentera kahin. Wahai sekalian orang-orang Quraysy! Ikutlah cakap saya, biarkanlah lelaki ini (Muhammad) dengan keadaannya yang ada sekarang, jangan ganggu dia. Demi Allah perkataan-perkataan yang telah aku dengar darinya itu akan melahirkan satu peristiwa yang besar. Jika orang-orang Arab bertindak di atasnya bererti kamu telah terselamat darinya dengan tindakan orang-orang yang lain dari kamu. Dan sebaliknya jika dia dapat menguasai orang-orang Arab, maka kerajaannya bererti kerajaan kamu, kemuliaan dan kekuasaannya bererti kemuliaan dan kekuasaan kamu dan kamu akan menjadi umat yang paling bahagia dengan sebabnya." Lalu mereka berkata: "Demi Allah, wahai Abul-Walid! Awak telah disihirkan oleh kepetahan (lidahnya)". Jawab Abul-Walid: "Ini adalah pendapatku dan kamu boleh buat apa yang kamu suka."

Al-Baghawi telah meriwayatkan dalam tafsirnya sebuah hadis dengan sanadnya dari Muhammad ibn Fudhail dari al-Ajlah iaitu anak Abdullah al-Kindi al-Kufi ujar Ibn Kathir: Dia yang telah disifatkan sedikit (lemah) dari az-Zayal ibn Harmalah dari Jabir ibn Abdullah r.a. hingga apabila bacaan Nabi s.a.w. sampai kepada ayat:

فَإِنْ أَعْرَضُوا۟ فَقُلْ أَنذَرْتُكُمْ صَٰعِقَةً مِّثْلَ صَٰعِقَةِ

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud"(13)

maka 'Utbah terus memegang mulut Nabi s.a.w. dan memohon demi hubungan kekeluargaan (supaya beliau tidak mengeluarkan amaran itu) kemudian dia pulang ke rumah dan tidak keluar mendapatkan orang-orang Quraysy. Dia terus berkurung dari mereka... sehingga akhir.

Kemudian apabila mereka (orang-orang Quraysy) bertanya 'Utbah tentang hal ini dia pun mencerita, "Aku pegang mulutnya dan memohon demi hubungan kekeluargaan (supaya beliau tidak mengeluarkan amaran itu) kerana sebagaimana kamu tahu bahawa Muhammad itu jika dia berkata, dia tidak bohong, oleh itu aku takut kamu ditimpa 'azab."

Inilah gambaran kesan amaran ini yang terbit dari mulut Rasulullah s.a.w. ke atas hati seorang yang tidak beriman. Dan sebelum kita meninggalkan riwayat ini eloklah kita berdiri sebentar di hadapan gambaran Rasulullah s.a.w. yang memperlihatkan jiwanya yang begitu besar dan hatinya yang begitu tenang mendengar 'Utbah berbicara dan mengemukakan tawaran-tawarannya yang kerdil itu, sedangkan hati belia dipenuhi dengan tugas yang lebh besar dari apa yang ditawarkannya hingga tawaran-tawaran tu kelihatan amat menjijikkan, namun demikian beliau sanggup mendengarnya dengan sabar, tenang dan mesra. Beliau tidak segera menyampuk dan mengganggu 'Utbah dari meneruskan pembicaraannya mengemukakan tawaran-tawarannya yang kerdil itu sehingga apabila 'Utbah seleai berbicara,beliau terus bertanya dengan tenang dan dengan hati yang lapang: "Sudahkah habis apa yang hendak dikatakan anda, wahai Abul-Walid?" Jawabnya: "Ya." Lalu beliau bersabda: "Dengarlah pula dari saya." Dan beliau tidak terus berkata hingga 'Utbah berkata silalah dan ketika itu barulah beliau membaca dengan hati yang penuh yakin, sabar dan penuh semangat iaitu membaca firman Tuhannya bukan perkataannya:

بسم الله الرحمن الرحيم . حم .....

Itulah sifat Rasulullah s.a.w. yang menimbulkan rasa hebat, kepercayaan, kemesraan dan ketenangan di dalam hati seseorang. Oleh sebab itulah beliau dapat menguasai hati para pendegarnya yang pada mulanya datang menemui beliau dengan maksud untuk mempermain-mainkan beliau atau untuk meluahkan dendam mereka. Amatlah tepat firman Allah Yang Maha Besar:

ٱللَّهُ أَعْلَمُ حَيْثُ يَجْعَلُ رِسَالَتَهُۥ

"Allah itu amat mengetahui di mana hendak meletakkan risalah-Nya."

(Surah al-An'am: 124)

Marilah pula kita kembali kepada ayat Al-Qur'an selepas keberhentian sejenak ini:

فَإِنْ أَعْرَضُوا۟ فَقُلْ أَنذَرْتُكُمْ صَٰعِقَةً مِّثْلَ صَٰعِقَةِ عَادٍ وَثَمُودَ ﴿١٣﴾

"Jika mereka berpaling, maka katakanlah kepada mereka: Aku memberi amaran kepada kamu dengan 'azab petir yang sama dengan 'azab petir yang membinasakan kaum 'Ad dan kaum Thamud."(13)

Ini adalah satu pengembaraan melihat kebinasaan-kebinasaan yang telah menimpa umat-umat di zaman dahulu setelah mengembara melihat kerajaan langit dan bumi, iaitu satu pengembaraan yang menggoncangkan hati manusia-manusia yang angkuh apabila melihat kebinasaan yang telah menimpa umat-umat yang angkuh:

إِذْ جَآءَتْهُمُ ٱلرُّسُلُ مِنۢ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ وَمِنْ خَلْفِهِمْ أَلَّا تَعْبُدُوٓا۟ إِلَّا ٱللَّهَ

"Ketika rasul-rasul datang kepada mereka dari hadapan dan dari belakang mereka (seraya menyeru): Janganlah kamu menyembah melainkan Allah."(14)

Itulah seruan yang sama yang dibawa oleh para rasul seluruhnya yang menjadi landasan setiap agama Samawi:

قَالُوا۟ لَوْ شَآءَ رَبُّنَا لَأَنزَلَ مَلَٰٓئِكَةً فَإِنَّا بِمَآ أُرْسِلْتُم بِهِۦ كَٰفِرُونَ ﴿١٤﴾

"Jawab mereka: Jika Tuhan kami kehendaki tentulah Dia akan menurunkan malaikat. Kerana itu kami tidak percaya terhadap agama yang kamu telah diutuskan membawanya."(14)

Ini adalah satu kekeliruan yang berulang-ulang yang dihadapi oleh setiap rasul, sedangkan yang sebenarnya tidak sesuai bagi seorang rasul yang hendak berbicara dengan manusia melainkan dia itu pastilah dari jenis manusia juga yang mengenal mereka dan mereka mengenalinya, iaitu seorang yang dapat mereka jadikan contoh teladan di alam kenyataan, seorang yang dapat mengalami apa yang dialami mereka, tetapi kaum 'Ad dan kaum Thamud telah mengisytiharkan kekufuran mereka terhadap rasul-rasul yang diutuskan kepada mereka, kerana rasul-rasul itu hanya manusia bukannya malaikat-malaikat seperti yang dicadangkan mereka.

Sehingga di sini Al-Qur'an menceritakan secara umum nasib kesudahan kaum 'Ad dan Thamud dan kedua-dua kisah itu sama sahaja, di mana kedua-dua kaum itu dibinasakan dengan 'azab petir.

Kemudian Al-Qur'an menjelaskan kisah kebinasaan kedua-dua kaum itu dengan agak terperinci:

فَأَمَّا عَادٌ فَٱسْتَكْبَرُوا۟ فِى ٱلْأَرْضِ بِغَيْرِ ٱلْحَقِّ وَقَالُوا۟ مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً

"Ada pun kaum 'Ad mereka telah berlagak angkuh di bumi tanpa alasan yang benar dan mereka berkata: Siapakah yang lebih kuat dari kami?"(15)

Yakni yang sebenarnya setiap hamba itu pastilah tunduk kepada Allah dan jangan berlagak angkuh dan sombong di bumi. Mereka terlalu kecil jika dibandingkan dengan kebesaran makhluk-makhluk Allah yang lain. Setiap sifat takbur dan sombong itu adalah satu sifat yang tidak benar. Mereka berlagak takbur dan terpedaya, mereka berkata:

مَنْ أَشَدُّ مِنَّا قُوَّةً

"Siapakah yang lebih kuat dari kami."

Ini adalah satu perasaan yang palsu yang dirasakan oleh manusia-manusia pelampau, iaitu perasaan yang membuat mereka merasa tiada kekuatan yang dapat menentang kekuatan mereka, sedangkan mereka lupa:

أَوَلَمْ يَرَوْا۟ أَنَّ ٱللَّهَ ٱلَّذِى خَلَقَهُمْ هُوَ أَشَدُّ مِنْهُمْ قُوَّةً

"Apakah tidak mereka melihat bahawa Allah yang telah menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka?"(15)

Ini adalah satu hakikat yang dapat difahami dengan mudah bahawa ang menciptakan mereka adalah lebih kuat dari mereka. Dialah yang telah membolehkan mereka mendapat kekuatan yang terbatas itu, tetapi memanglah sifat para pelampu tidak mengambil peringatan:

وَكَانُوا۟ بِـَٔايَٰتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿١٥﴾

"Dan mereka tetap mengingkari ayat-ayat Kami."(15)

Ketika mereka menunjukkan kekuatan otot-otot anggota mereka dan berbangga-bangga dengan kegagahan mereka, maka tiba-tiba di dalam ayat berikut ditunjukkan balasan kebinasaan yang setimpal dengan sifat angkuh yang keji itu:

فَأَرْسَلْنَا عَلَيْهِمْ رِيحًا صَرْصَرًا فِىٓ أَيَّامٍ نَّحِسَاتٍ لِّنُذِيقَهُمْ عَذَابَ ٱلْخِزْىِ فِى ٱلْحَيَوٰةِ ٱلدُّنْيَا

"Lalu Kami lepaskan ke atas mereka ribut yang amat kencang selama beberapa hari yang penuh sengsara kerana Kami hendak membuat mereka merasakan 'azab kehinaan dalam kehidupan dunia."(16)

Itulah ribut taufan yang amat kencang dan dingin melanda mereka selama beberapa hari yang penuh derita dan sengsara. Itulah balasan kehinaan dalam kehidupan dunia, iaitu kehinaan yang layak dengan manusia-manusia angkuh yang menunjukkan kesombongan mereka terhadap manusia yang lain.

Itulah 'azab di dunia, dan di Akhirat pula mereka tidak akan dibiarkan begitu sahaja.

وَلَعَذَابُ الْآخِرَةِ أَخْزَىٰ ۖ وَهُمْ لَا يُنصَرُونَ ﴿١٦﴾

"Dan sesungguhnya 'azab Akhirat itu lebih menghinakan lagi dan mereka tidak akan diberi pertolongan."(16)

وَأَمَّا ثَمُودُ فَهَدَيْنَاهُمْ فَاسْتَحَبُّوا الْعَمَىٰ عَلَى الْهُدَىٰ

"Dan adapun kaum Thamud pula, Kami telah memberi hidayat kepada mereka, tetapi mereka mengutamakan kebutaan (kesesatan) dari hidayat."(17)

Yang nampak jelas, ayat ini menunjukkan bahawa kaum Thamud telah menerima hidayat setelah mereka melihat, mu'jizat unta, kemudian mereka kembali menjadi kafir. Mereka lebih mengutamakan kesesatan dari hidayat, sedangkan kesesatan selepas menerima hidayat,itu adalah satu kebutaan yang lebih dahsyat dari buta yang lahir.

فَأَخَذَتْهُمْ صَاعِقَةُ الْعَذَابِ الْهُونِ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ ﴿١٧﴾

"Lalu mereka disambar petir 'azab yang amat menghinakan dengan sebab dosa yang dilakukan mereka."(17)

Kehinaan itu merupakan satu balasan-balasan yang paling sesuai. Jadi, bukan sahaja 'azab dan bukan sahaja kebinasaan tetapi ditambah pula dengan kehinaan sebagai balasan terhadap kesesatan selepas beriman.

وَنَجَّيْنَا الَّذِينَ آمَنُوا وَكَانُوا يَتَّقُونَ ﴿١٨﴾

"Dan Kami telah menyelamatkan orang-orang yang beriman dan mereka adalah orang-orang yang bertaqwa."(18)

Dengan ini berakhirlah pengembaraan melihat kebinasaan kaum 'Ad dan Thamud. Dan berakhirlah mereka dengan kebinasaan yang ngeri dan terdedahlah kepada mereka hakikat kekuasaan Allah yang tidak dapat ditentang oleh mana-mana kekuatan dan tidak dapat diselamatkan oleh mana-mana kubu dan kuatkuasa yang menghapuskan setiap manusia yang takbur.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 19 - 24)

Dosa-dosa Manusia Akan Disaksi Oleh Anggotanya Sendiri Pada Hari Hisab

Kini setelah Al-Qur'an mendedahkan kepada mereka tentag hakikat kekuasaan Allah dalam fitrah alam buana dan hakikat kekuasaan Allah di dalam sejarah manusia, Al-Qur'an memperlihatkan pula kepada mereka, hakikat kekuasaan Allah pada tubuh badan mereka sendiri. Di mana mereka tidak dapat menguasainya sedikit pun dan tidak dapat melindungkan diri mereka sedikit pun dari kekuasaan Allah sehingga telinga, mata dan kulit-kulit mereka tetap patuh kepada Allah dan sanggup melanggar perintah mereka ketika mereka dihisab di mana anggota-anggota mereka menjadi saksi ke atas mereka:

وَيَوْمَ يُحْشَرُ أَعْدَاءُ اللَّهِ إِلَى النَّارِ فَهُمْ يُوزَعُونَ ﴿١٩﴾

حَتَّىٰ إِذَا مَا جَاءُوهَا شَهِدَ عَلَيْهِمْ سَمْعُهُمْ وَأَبْصَارُهُمْ وَجُلُودُهُم بِمَا كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢٠﴾

وَقَالُوا لِجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدتُّمْ عَلَيْنَا ۖ قَالُوا أَنطَقَنَا اللَّهُ الَّذِي أَنطَقَ كُلَّ شَيْءٍ وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢١﴾

وَمَا كُنتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَن يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَا أَبْصَارُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ وَلَٰكِن ظَنَنتُمْ أَنَّ اللَّهَ لَا يَعْلَمُ كَثِيرًا مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

وَذَٰلِكُمْ ظَنُّكُمُ الَّذِي ظَنَنتُم بِرَبِّكُمْ أَرْدَاكُمْ فَأَصْبَحْتُم مِّنَ الْخَاسِرِينَ ﴿٢٣﴾

فَإِن يَصْبِرُوا فَالنَّارُ مَثْوًى لَّهُمْ ۖ وَإِن يَسْتَعْتِبُوا فَمَا هُم مِّنَ الْمُعْتَبِينَ ﴿٢٤﴾

"Dan ingatlah hari di mana dikumpulkan musuh-musuh Allah untuk dibawa ke Neraka, lalu mereka dibahagi-bahagikan (19). Sehingga apabila tiba di Neraka, maka pendengaran, penglihatan dan kulit-kulit mereka menjadi saksi yang mengakui segala apa yang dilakukan mereka (20). Lalu mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: Mengapa kamu menjadi saksi menentang kami? Jawab kulit-kulit itu, Allahlah yang telah menjadikan kami pandai bercakap. Dialah yang berkuasa menjadikan segala sesuatu pandai bercakap dan Dialah yang telah menciptakan kamu pada pertama kali dan kepada-Nya juga kamu dikembalikan (21). Dan kamu sama sekali tidak dapat menyembunyikan diri dari disaksikan oleh pendengaran kamu, penglihatan kamu dan kulit-kulit kamu, tetapi kamu telah menyangka bahawa Allah tidak mengetahui banyak dosa-dosa yang dilakukan kamu (22). Dan itulah sangkaan yang kamu sangkakan terhadap Tuhan kamu itu telah membinasakan diri kamu dan jadilah kamu dari golongan orang-orang yang rugi (23). Dan jika mereka boleh bersabar, maka Neraka akan menjadi tempat kediaman mereka dan jika mereka memohon keredhaan Allah, maka mereka bukanlah orang-orang yang wajar dikurniakan keredhaan."(24)

Itulah peristiwa yang amat memeranjatkan dalam situasi hisab yang amat gawat. Itulah kekuasaan Allah yang dipatuhi oleh seluruh anggota tubuh badan

mereka. Mereka yang disifatkan sebagai musuh-musuh Allah itu dihimpun dan dikumpul dari awal hingga akhir laksana kumpulan binatang ternakan, kemudian diseret menuju ke Neraka, dan apabila mereka berada di hadapan Neraka dan dijalankan upacara hisab tiba-tiba muncullah saksi-saksi yang tidak pernah diduga mereka. Lidah mereka kelu tidak dapat bercakap sedangkan selama ini ia sentiasa berdusta, berbohong dan mengejek. Tiba-tiba telinga, mata dan kulit-kulit mereka muncul melawan mereka kerana ta'at kepada Allah. Anggota-anggota itu membuka segala rahsia dosa-dosa yang disembunyikan mereka. Mula-mula mereka cuba bersembunyi dari Allah dan mereka menyangka Allah tidak nampak ketika mereka menyembunyikan niat-niat dan dosa-dosa rnereka, sedangkan mereka tidak dapat bersembunyi dari mata, telinga dan kulit-kulit mereka, kerana anggota-anggota ini sentiasa bersama mereka, malah kerana anggota-anggota ini adalah sebahagian dari mereka. Kini anggota-anggota itu mendedahkan rahsia-rahsia yang selama ini disangkakan mereka tersembunyi dari pengetahuan seluruh manusia dan dari Allah Tuhan semesta alam.

Alangkah terperanjatnya mereka melihat kekuasaan Allah yang tersembunyi yang tiba-tiba menguasai anggota-anggota mereka lalu menyambut perintah Allah.

وَقَالُوا۟ لِجُلُودِهِمْ لِمَ شَهِدتُّمْ عَلَيْنَا ۖ

"Lalu mereka berkata kepada kulit-kulit mereka: Mengapa kamu menjadi saksi menentang kami?"(21)

Lalu anggota-anggota itu menerangkan hakikat yang tersembunyi dari pengetahuan mereka dengan terus-terang:

قَالُوٓا۟ أَنطَقَنَا ٱللَّهُ ٱلَّذِىٓ أَنطَقَ كُلَّ شَىْءٍ

"Jawab kulit-kulit itu: Allahlah yang telah menjadikan kami pandai bercakap. Dialah yang berkuasa menjadikan segala sesuatu pandai bercakap."(21)

Yakni bukankah Allah itulah yang telah menciptakan segala lidah yang boleh bercakap? Tentulah Dia juga berkuasa menjadikan anggota yang lain dari lidah itu dapat bercakap. Dia berkuasa menjadikan segala sesuatu itu dapat bercakap, dan pada hari Qiamat ini segala anggota itu bercakap memberi penerangan dan penjelasan.

وَهُوَ خَلَقَكُمْ أَوَّلَ مَرَّةٍ وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ ﴿٢١﴾

"Dan Dialah yang telah menciptakan kamu pada pertama kali dan kepada-Nya juga kamu dikembalikan."(21)

Yakni semuanya kembali kepada Allah dan tiada siapa yang dapat melepaskan dirinya dari genggaman kekuasaan Allah di dunia dan di Akhirat. Inilah yang diingkarkan oleh akal mereka tetapi diakui oleh kulit-kulit mereka. Kemudian diiringi dengan satu ulasan yang mungkin merupakan saki-baki perkataan anggota-anggota mereka atau ia mungkin merupakan ulasan langsung terhadap pemandangan yang aneh itu:

وَمَا كُنتُمْ تَسْتَتِرُونَ أَن يَشْهَدَ عَلَيْكُمْ سَمْعُكُمْ وَلَآ أَبْصَـٰرُكُمْ وَلَا جُلُودُكُمْ

"Dan kamu sama sekali tidak dapat menyembunyikan diri dari disaksikan oleh pendengaran kamu, penglihatan kamu dan kulit-kulit kamu."(22)

Sama sekali tidak terlintas di hati kamu bahawa anggota-anggota kamu sendiri akan muncul menentang kamu dan kamu sama sekali tidak berupaya untuk melindungkan diri dari anggota-anggota itu jika kamu kehendaki.

وَلَـٰكِن ظَنَنتُمْ أَنَّ ٱللَّهَ لَا يَعْلَمُ كَثِيرًا مِّمَّا تَعْمَلُونَ ﴿٢٢﴾

"Tetapi kamu telah menyangka bahawa Allah tidak mengetahui banyak dosa-dosa yang dilakukan kamu."(22)

Dan sangkaan yang jahil dan berdosa inilah yang telah membuat kamu tertipu dan membawa kamu ke Neraka:

وَذَٰلِكُمْ ظَنُّكُمُ ٱلَّذِى ظَنَنتُم بِرَبِّكُمْ أَرْدَىٰكُمْ فَأَصْبَحْتُم مِّنَ ٱلْخَـٰسِرِينَ ﴿٢٣﴾

"Dan itulah sangkaan yang kamu sangkakan terhadap Tuhan kamu itu telah membinasakan diri kamu dan jadilah kamu dari golongan orang-orang yang rugi."(23)

Kemudian diiringi dengan ulasan yang akhir:

فَإِن يَصْبِرُوا۟ فَٱلنَّارُ مَثْوًى لَّهُمْ ۖ

"Dan jika mereka boleh bersabar, maka Neraka akan menjadi tempat kediaman mereka."(24)

Alangkah pedihnya sendaan ini! Sabar yang disarankan sekarang ialah sabar untuk tinggal terus di dalam Neraka bukannya sabar yang akan membawa kepada pembebasan dan mendapat ganjaran yang baik. Sabar di sini ialah sabar menerima balasan Neraka sebagai tempat kediaman yang paling dahsyat.

وَإِن يَسْتَعْتِبُوا۟ فَمَا هُم مِّنَ ٱلْمُعْتَبِينَ ﴿٢٤﴾

"Dan jika mereka memohon keredhaan Allah, maka mereka bukanlah orang-orang yang wajar dikurniakan keredhaan."(24)

Di sana tidak ada lagi permohonan keredhaan dan tidak ada lagi peluang taubat. Biasanya orang yang memohon keredhaan itu memohon keampunan di sebaliknya setelah hilangnya punca-punca kemurkaan. Tetapi pada hari ini pintu permohonan keredhaan itu telah ditutup dan kerana itu tidak ada lagi keampunan dan keredhaan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 25 - 29)

Percubaan-percubaan Untuk Menghapuskan Pengaruh Al-Qur'an

Kemudian Al-Qur'an menerangkan pula tentang kekuasaan Allah di atas hati mereka sendiri, sedangkan mereka masih berada di bumi dan berlagak angkuh dari beriman kepada Allah. Allah telah mengadakan untuk mereka setelah diketahuinya hati mereka telah menjadi begitu rosak teman-teman rapat yang jahat yang terdiri dari jin dan manusia. Teman-teman inilah yang telah menghiaskan segala kejahatan itu dipandang baik oleh mereka dan mengheretkan mereka ke dalam angkatan manusia yang telah ditetapkan Allah akan mendapat kerugian dan 'azab seksa:

وَقَيَّضْنَا لَهُمْ قُرَنَاءَ فَزَيَّنُوا لَهُم مَّا بَيْنَ أَيْدِيهِمْ وَمَا خَلْفَهُمْ وَحَقَّ عَلَيْهِمُ الْقَوْلُ فِي أُمَمٍ قَدْ خَلَتْ مِن قَبْلِهِم مِّنَ الْجِنِّ وَالْإِنسِ ۖ إِنَّهُمْ كَانُوا خَاسِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Dan Kami adakan untuk mereka teman-teman rapat (syaitan) yang menghias indahkan perbuatan-perbuatan yang buruk di hadapan dan di belakang mereka. Dan telah ditetapkan ke atas mereka keputusan 'azab yang telah menimpa umat-umat jin dan manusia yang terdahulu dari mereka. Sesungguhnya mereka adalah dari golongan yang rugi."(25)

Lihatlah bagaimana mereka yang berada di dalam genggaman kekuasaan Allah itu bersikap sombong dari beribadat kepada-Nya, dan lihatlah bagaimana hati yang berada di dalam dada mereka itu sendiri yang mengheret mereka ke dalam 'azab dan kerugian. Allah telah mengada dan membawa teman-teman rapat yang jahat untuk menghasut dan menggoda mereka, juga menghias indahkan segala kejahatan di sekeliling mereka. Teman-teman inilah yang memuji baik segala perbuatan mereka hingga mereka tidak sedar kepada keburukan-keburukannya. Bala yang paling besar menimpa seseorang ialah apabila ia kehilangan kepekaan terhadap perbuatannya yang keji dan menyeleweng dan apabila ia melihat segala sesuatu yang terbit dari dirinya elok belaka! Inilah tempat kebinasaan dan inilah kaum yang sentiasa membawa kepada kemusnahan yang akhirnya akan membawa mereka ke dalam kumpulan manusia-manusia yang jahat, iaitu dalam kumpulan umat-umat yang jahat dari jin dan manusia yang telah dijanjikan Allah akan mendapat 'azab. Merekalah kumpulan-kumpulan orang-orang yang rugi:

إِنَّهُمْ كَانُوا خَاسِرِينَ ﴿٢٥﴾

"Sesungguhnya mereka adalah dari golongan yang rugi."(25)

Di antara galakan teman-teman yang jahat itu ialah menghasut mereka supaya memerangi Al-Qur'an yang dirasakan mereka mempunyai pengaruh Yang amat kuat:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا لَا تَسْمَعُوا لِهَٰذَا الْقُرْآنِ وَالْغَوْا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan berkatalah orang-orang yang kafir: Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka."(26)

Itulah kata-kata pesanan oleh para pembesar Quraysy kepada diri mereka dan kepada orang ramai setelah mereka merasa lemah untuk menghadapi kesan-kesan dan pengaruh Al-Qur'an terhadap diri mereka dan orang ramai:

لَا تَسْمَعُوا لِهَٰذَا الْقُرْآنِ

"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini."(26)

Kerana mereka mendakwa bahawa Al-Qur'an telah menyihirkan mereka, mengongkong akal mereka, merosakkan hidup mereka, memisahkan di antara bapa dan anak, di antara suami dan isteri. Memang tugas Al-Qur'an ialah memisah, tetapi ia memisah di antara iman dan kufur, di antara hidayat dan kesesatan. Al-Qur'an menarik seluruh hati mereka supaya bulat dan ikhlas kepada Allah sahaja dan jangan menghiraukan hubungan-hubungan yang lain. Itulah pemisahan yang dilakukan oleh Al-Qur'an.

وَالْغَوْا فِيهِ لَعَلَّكُمْ تَغْلِبُونَ ﴿٢٦﴾

"Dan hapuskan pengaruhnya (dengan cacian) supaya kamu dapat mengatasi mereka."(26)

Ini adalah satu perbuatan mencaci, menghina yang tidak wajar, tetapi oleh sebab mereka tidak mampu menghadapi Al-Qur'an dengan kekuatan hujjah dan dalil-dalil, maka mereka menggunakan cara mencaci dan menghina kerana sombong dari beriman.

Mereka cuba menghapuskan pengaruh Al-Qur'an dengan kisah-kisah Aspandiar dan Rustom seperti yang dilakukan oleh Malik ibn an-Nadhr untuk memalingkan orang ramai dari Al-Qur'an. Mereka cuba menghapuskan pengaruh Al-Qur'an dengan membuat bising dan riuh rendah. Mereka cuba menghapuskan pengaruhnya dengan membaca sajak-sajak dan syair, tetapi semuanya sia-sia belaka dan Al-Qur'an terus menang kerana ia membawa rahsia kemenangan iaitu kebenaran. Kebenaran tetap menang walaupun ditentang hebat oleh musuhnya.

Sebagai jawapan kepada perkataan mereka yang keji itu Al-Qur'an memberi amaran:

فَلَنُذِيقَنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا عَذَابًا شَدِيدًا وَلَنَجْزِيَنَّهُمْ أَسْوَأَ الَّذِي كَانُوا يَعْمَلُونَ ﴿٢٧﴾

ذَٰلِكَ جَزَاءُ أَعْدَاءِ اللَّهِ النَّارُ ۖ لَهُمْ فِيهَا دَارُ الْخُلْدِ ۖ جَزَاءً

بِمَا كَانُوا بِآيَاتِنَا يَجْحَدُونَ ﴿٢٨﴾

"Sesungguhnya Kami akan membuat orang-orang yang kafir itu merasakan 'azab yang amat dahsyat dan Kami akan membalas mereka dengan seburuk-buruk balasan terhadap dosa-dosa yang dilakukan mereka (27). Itulah balasan Neraka kepada musuh-musuh Allah yang terdapat di dalamnya tempat kediaman yang kekal untuk mereka sebagai balasan terhadap perbuatan mereka yang mengingkarkan ayat-ayat Kami."(28)

Kemudian dengan pantas kita dapati mereka telah berada di dalam Neraka. Mereka begitu marah kerana ditipu oleh teman-teman karib hingga membawa mereka kepada kebinasaan ini:

وَقَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا رَبَّنَا أَرِنَا الَّذَيْنِ أَضَلَّانَا مِنَ الْجِنِّ وَالْإِنْسِ نَجْعَلْهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ الْأَسْفَلِينَ ﴿٢٩﴾

"Dan berkatalah orang-orang kafir: Wahai Tuhan kami! Tunjukkanlah kepada kami orang-orang yang telah menyesatkan kami dari jin dan manusia kerana kami mahu meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (hina)."(29)

Itulah pernyataan marah yang berkobar-kobar dan keinginan membalas dendam:

نَجْعَلْهُمَا تَحْتَ أَقْدَامِنَا لِيَكُونَا مِنَ الْأَسْفَلِينَ ﴿٢٩﴾

"Kami mahu meletakkan mereka di bawah tapak kaki kami supaya mereka menjadi golongan yang paling bawah (hina)."(29)

Ini berlaku setelah mereka berkawan baik dan menerima bisikan dan hiasan syaitan.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 30 - 31)

Ini ialah satu hubungan menghasut dan menyesat dan di sana ada satu hubungan lagi iaitu hubungan memberi nasihat dan pertolongan iaitu hubungan orang-orang yang beriman yang berkata: Allah itu Tuhan kami, kemudian mereka beristiqamah mengikuti jalan yang membawa kepada Allah dengan beriman dan mengerjakan amalan yang soleh. Allah tidak mengadakan untuk mereka kawan-kawan yang jahat dari jin dan manusia, malah Allah tugaskan para malaikat supaya melimpahkan rasa aman dan tenteram ke dalam hati mereka dan menyampaikan berita Syurga yang menggembirakan mereka dan seterusnya menolong mereka dalam kehidupan dunia dan Akhirat:

إِنَّ الَّذِينَ قَالُوا رَبُّنَا اللَّهُ ثُمَّ اسْتَقَامُوا تَتَنَزَّلُ عَلَيْهِمُ الْمَلَائِكَةُ أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

نَحْنُ أَوْلِيَاؤُكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ۖ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَشْتَهِي أَنْفُسُكُمْ وَلَكُمْ فِيهَا مَا تَدَّعُونَ ﴿٣١﴾

نُزُلًا مِنْ غَفُورٍ رَحِيمٍ ﴿٣٢﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah kemudian mereka beristiqamah, nescaya turunlah para malaikat mendapatkan mereka (seraya memberi perangsang): Janganlah kamu takut dan rungsing dan bergembiralah dengan Syurga yang dijanjikan kepada kamu (30). Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan Akhirat. Dan kamu akan memperolehi di Akhirat apa sahaja yang diidami hati kamu, juga kamu akan memperolehi apa sahaja yang kamu minta (31). Sebagai keraian dari Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih."(32)

Sikap beristiqamah di atas 'aqidah tauhid:

رَبُّنَا اللَّهُ

"Tuhan kami ialah Allah"(30)

Sikap Beristiqamah Di Jalan Allah

dengan tugas dan hakikatnya yang sebenar, iaitu istiqamah di dalam hati dan di dalam segala perilaku kehidupan dan sabar menjunjung tugas-tugasnya adalah satu perkara yang amat besar dan sukar. Oleh sebab itulah ia berhak mendapat pengurniaan yang amat besar dari Allah iaitu pengurniaan ni'mat bersahabat mesra dengan para malaikat. Inilah persahabatan yang ternampak jelas mengikut apa yang diceritakan Allah mengenai para malaikat yang berkata kepada orang-orang Mu'min yang menjadi sahabat mereka:

أَلَّا تَخَافُوا وَلَا تَحْزَنُوا وَأَبْشِرُوا بِالْجَنَّةِ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ ﴿٣٠﴾

نَحْنُ أَوْلِيَاؤُكُمْ فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَفِي الْآخِرَةِ ۖ

"Janganlah kamu takut, janganlah kamu rungsing. Bergembiralah dengan berita Syurga yang dijanjikan kepada kamu. Kamilah penolong-penolong kamu dalam kehidupan dunia dan Akhirat."(30-31)

Kemudian malaikat-malaikat itu menggambarkan Syurga yang dijanjikan kepada mereka itu dengan gambaran seorang sahabat kepada seorang sahabat, iaitu gambaran yang menyukakan mereka iaitu kamu akan memperolehi apa sahaja yang diidami dan dipinta kamu. Gambaran ni'mat Syurga itu bertambah indah dan mulia lagi apabila malaikat-malaikat itu sifatkannya sebagai keraian dari Allah Yang Maha Pengampun dan Maha Pengasih, yakni Syurga itu adalah anugerah dari Allah dengan keampunan dan rahmat-Nya. Oleh itu manakah satu ni'mat yang lain yang lebih besar dari ni'mat ini?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 33 - 36)

Peraturan Berda'wah

Pusingan ini ditamatkan dengan melukiskan gambaran penda'wah kepada Allah iaitu menggambarkan keadaan jiwanya, tuturkatanya dan sopan santunnya supaya diikuti Rasulullah s.a.w. dan setiap penda'wah dari umatnya. Pada permulaan surah ini diterangkan bagaimana kasarnya, biadabnya dan sombongnya orang-orang Musyrikin yang dikemukakan da'wah kepada mereka dengan tujuan untuk menegaskan kepada penda'wah bahawa inilah cara da'wahmu dalam apa keadaan sekalipun:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾ وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُوا۟ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ذُو حَظٍّ عَظِيمٍ ﴿٣٥﴾ وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ﴿٣٦﴾

"Dan siapakah lagi yang lebih baik percakapannya dari orang yang berda'wah kepada Allah dan mengerjakan amalan yang soleh dan berkata: Sesungguhnya aku dari golongan Muslimin (33). Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat. Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang sebaik-baiknya nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia (34). Dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang sabar dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang mempunyai habuan keberuntungan yang amat besar (35). Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka pohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(36)

Usaha memikul tugas da'wah kepada Allah dan menghadapi penyelewengan-penyelewengan dan kejahilan manusia, juga menghadapi sikap mereka yang berbangga-bangga dengan segala apa yang menjadi kebiasaan mereka, juga menghadapi sikap mereka yang angkuh apabila dikatakan bahawa mereka berada di dalam kesesatan dan seterusnya menghadapi kegelojohan nafsu keinginan mereka dan tamak haloba mereka mempertahankan kepentingan mereka serta kebimbangan mereka terhadap kedudukan mereka yang terancam oleh da'wah tauhid, iaitu 'aqidah yang membuat seluruh manusia sama tinggi dan sama rata di hadapan Allah. Dan usaha untuk memikul tugas da'wah dalam suasana-suasana seperti itu amatlah sukar tetapi ia adalah amat penting:

وَمَنْ أَحْسَنُ قَوْلًا مِّمَّن دَعَآ إِلَى ٱللَّهِ وَعَمِلَ صَٰلِحًا وَقَالَ إِنَّنِى مِنَ ٱلْمُسْلِمِينَ ﴿٣٣﴾

"Dan siapakah lagi yang lebih baik percakapannya dari orang yang berda'wah kepada Allah dan mengerjakan amalan yang soleh dan berkata: Sesungguhnya aku dari golongan Muslimin."(33)

Ucapan da'wah merupakan sebaik-baik ucapan yang dilafazkan di bumi ini. Ucapan da'wah mengepalai ucapan-ucapan yang baik yang naik ke langit, tetapi ucapan itu pastilah disertakan dengan amalan-amalan yang soleh yang membuktikan kebenaran kata-kata yang telah diucapkan itu, juga disertakan dengan menyerah diri kepada Allah. Dengan demikian jadilah da'wah itu bulat dan ikhlas kepada Allah semata-mata, di mana penda'wah tidak mempunyai apa-apa kepentingan dalam da'wah itu selain dari menyampaikannya kepada manusia.

Selepas itu tiada apa salahnya di atas penda'wah jika da'wahnya tidak disambut atau disambut dengan cara yang biadab atau dengan keingkaran yang penuh kesombongan, kerana tugasnya ialah mengemukakan kebaikan, kerana itu dia berada di tempat yang tinggi, sedangkan penentang-penentangnya melakukan kejahatan, kerana itu mereka berada di tempat yang rendah:

وَلَا تَسْتَوِى ٱلْحَسَنَةُ وَلَا ٱلسَّيِّئَةُ

"Dan tidaklah sama perbuatan yang baik dan perbuatan yang jahat"(34)

Yakni dia tidak harus membalas kejahatan dengan kejahatan, kerana kebaikan itu tidak sama kesan dan nilainya dengan kejahatan. Sikap sabar, berlapang dada dan kebolehan mengatasi keinginan hati hendak membalas kejahatan dengan kejahatan itu dapat mengembalikan hati-hati yang liar kepada ketenangan dan kepercayaan, dan dapat mengubah permusuhan kepada persahabatan dan kekasaran kepada sikap yang lembut:

ٱدْفَعْ بِٱلَّتِى هِىَ أَحْسَنُ فَإِذَا ٱلَّذِى بَيْنَكَ وَبَيْنَهُۥ عَدَٰوَةٌ كَأَنَّهُۥ وَلِىٌّ حَمِيمٌ ﴿٣٤﴾

"Tolakkanlah perbuatan yang jahat itu dengan perbuatan yang sebaik-baiknya nescaya orang yang ada perseteruan di antara engkau dan dia akan menjadi baik seolah-olah teman yang amat setia."(34)

Dasar ini berlaku dengan tepat dalam kebanyakan keadaan, di mana emosi yang berkobar-kobar berubah menjadi tenteram, kemarahan yang membara berubah kepada ketenangan, sifat takbur berubah kepada sifat malu apabila kekasaran disambut dengan kata-kata yang baik, dengan nada yang tenang dan dengan senyuman yang mesra ketika menghadapi manusia-manusia pemarah, angkuh dan tidak terkawal perasaan mereka.

Sebaliknya jika ditentang dengan tindakan yang sama kasar dengan tindakan yang dilakukan mereka tentulah mereka akan bertambah garang, marah, angkuh dan liar. Dan pada akhirnya mereka akan membuang sifat malu dan terus melepaskan perasaan mereka di samping merasa bangga dengan dosa mereka.

Tetapi sifat lapang dada itu memerlukan kepada hati yang besar yang sanggup berlembut dan, bersabar walaupun dia mampu membalas tindakan yang jahat itu dengan balasan yang setimpal. Kemampuan ini perlu ada pada seseorang supaya sikap lapang dadanya itu benar-benar berkesan, iaitu sikapnya yang baik itu tidak dianggapkan sebagai suatu kelemahan pada hati orang yang bertindak jahat terhadapnya. Andainya mereka merasakannya seorang yang lemah, mereka tidak akan menghormatinya dan kebaikannya itu tidak memberi apa-apa kesan lagi kepada mereka.

Sifat lapang dada ini juga hanya terbatas kepada kes-kes kebiadapan terhadap peribadi sahaja bukan kes-kes pencerobohan terhadap agama dan kes-kes penindasan terhadap orang-orang yang beriman, kerana kes-kes yang seperti ini pasti ditentang dan dilawan dengan segala cara penentangan atau bersabar sehingga Allah membuat keputusan-Nya.

Darjah kebolehan membalas kejahatan dengan kebaikan dan kebolehan berlapang dada yang dapat membendung perasaan marah dan kebolehan membuat pertimbangan bilakah patut berlapang dada dan bilakah patut dibalas dengan baik, adalah satu darjah yang amat tinggi yang tidak dapat dicapai oleh semua orang, kerana ia memerlukan kepada sifat sabar, dan di samping itu juga ia merupakan satu anugerah Allah kepada hamba-hamba-Nya yang berusaha dan berjuang dan wajar mendapat anugerah itu:

وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ٱلَّذِينَ صَبَرُواْ وَمَا يُلَقَّىٰهَآ إِلَّا ذُو
حَظٍّ عَظِيمٍ ٣٥

"Dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang sabar dan sifat ini tidak dianugerahkannya melainkan kepada orang-orang yang mempunyai habuan keberuntungan yang amat besar."(35)

Ia adalah satu darjah yang amat tinggi hingga Rasulullah s.a.w. sendiri yang tidak pernah marah kerana kepentingan dirinya dan apabila beliau marah kerana Allah, nescaya tiada siapa pun yang dapat menahankan kemarahannya. Telah dinasihatkan Allah kepadanya dan kepada setiap penda'wah:

وَإِمَّا يَنزَغَنَّكَ مِنَ ٱلشَّيْطَٰنِ نَزْغٌ فَٱسْتَعِذْ بِٱللَّهِ
إِنَّهُۥ هُوَ ٱلسَّمِيعُ ٱلْعَلِيمُ ٣٦

"Dan jika engkau dihasut oleh sesuatu hasutan dari syaitan, maka pohonlah perlindungan kepada Allah. Sesungguhnya Dia Maha Mendengar dan Maha Mengetahui."(36)

Kemarahan itu kadang-kadang mendorong dan menghasut perasaan ke arah kejahatan, kadang-kadang menimbulkan di dalam hati rasa kurang sabar terhadap penghinaan atau perasaan sempit dada untuk bertolak ansur, maka ketika itu permohonan perlindungan kepada Allah dari godaan syaitan yang terkutuk itu dapat memberi perlindungan kepadanya dari percubaan-percubaan syaitan yang hendak mengeksploitasikan kemarahannya atau meluluskan dirinya dalam hati menerusi lubang kemarahannya.

Allah yang menciptakan hati manusia dan mengetahui segala pintu dan liku-likunya, juga mengetahui kekuatan tenaga dan kesediaan-kesediaannya dan mengetahui dari mana syaitan akan masuk, adalah sentiasa memagarkan hati penda'wah kepada Allah dari godaan-godaan perasaan marah atau dari hasutan-hasutan syaitan yang dialaminya di jalan perjuangannya yang menimbulkan kemarahan seorang yang sabar.

Memanglah satu jalan yang sukar bagi penda'wah untuk mengikuti jalan-jalan hati manusia yang mempunyai aneka jalan dan lorong, aneka duri dan onak dan aneka cabang, sehingga ia berjaya sampai ke maqam kepimpinan yang dapat membimbing hati itu.

(Kumpulan ayat-ayat 37 - 54)

وَمِنْ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيْلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ
لَا تَسْجُدُواْ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُواْ
لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ٣٧
فَإِنِ ٱسْتَكْبَرُواْ فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ
يُسَبِّحُونَ لَهُۥ بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَهُمْ لَا يَسْـَٔمُونَ ٣٨
وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلْأَرْضَ خَٰشِعَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا
عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ إِنَّ ٱلَّذِىٓ أَحْيَاهَا لَمُحْىِ
ٱلْمَوْتَىٰٓ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ٣٩
إِنَّ ٱلَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا لَا يَخْفَوْنَ عَلَيْنَآ أَفَمَن

يُلْقَىٰ فِي النَّارِ خَيْرٌ أَم مَّن يَأْتِي آمِنًا يَوْمَ الْقِيَامَةِ ۚ اعْمَلُوا
مَا شِئْتُمْ ۖ إِنَّهُ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤٠﴾

إِنَّ الَّذِينَ كَفَرُوا بِالذِّكْرِ لَمَّا جَاءَهُمْ ۖ وَإِنَّهُ لَكِتَابٌ
عَزِيزٌ ﴿٤١﴾

لَّا يَأْتِيهِ الْبَاطِلُ مِن بَيْنِ يَدَيْهِ وَلَا مِنْ خَلْفِهِ ۖ تَنزِيلٌ
مِّنْ حَكِيمٍ حَمِيدٍ ﴿٤٢﴾

مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ ۚ إِنَّ
رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾

وَلَوْ جَعَلْنَاهُ قُرْآنًا أَعْجَمِيًّا لَّقَالُوا لَوْلَا فُصِّلَتْ
آيَاتُهُ ۖ أَأَعْجَمِيٌّ وَعَرَبِيٌّ ۗ قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ آمَنُوا
هُدًى وَشِفَاءٌ ۖ وَالَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِي آذَانِهِمْ وَقْرٌ
وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۚ أُولَٰئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍ
بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

وَلَقَدْ آتَيْنَا مُوسَى الْكِتَابَ فَاخْتُلِفَ فِيهِ ۗ وَلَوْلَا
كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِيَ بَيْنَهُمْ ۚ
وَإِنَّهُمْ لَفِي شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿٤٥﴾

مَّنْ عَمِلَ صَالِحًا فَلِنَفْسِهِ ۖ وَمَنْ أَسَاءَ فَعَلَيْهَا ۗ
وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّامٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menciptakan mereka jika kamu benar-benar menyembahkan-Nya (37). Oleh itu jika mereka terus berlagak takbur, maka mereka (para malaikat) yang ada di sisi Tuhanmu sentiasa bertasbih kepada-Nya malam dan siang, sedangkan mereka tidak pernah jemu (38). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah engkau melihat bumi diam khusyu' dan apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur. Sesungguhnya Tuhan yang berkuasa menghidupkan bumi itu berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu (39). Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami tidak tersembunyi dari Kami. Adakah orang yang dicampakkan ke dalam Neraka itu lebih baik atau orang yang datang dengan aman dan selamat pada hari Qiamat itu (lebih baik)? Buatlah apa yang kamu suka. Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu (40). Sesungguhnya orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an ketika ia datang kepada mereka (amatlah keji perbuatan mereka), dan sesungguhnya Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang amat kuat (41). Ia tidak sekali-kali didatangi kebatilan dari hadapan dan tidak pula dari belakang. Ia adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Terpuji (42). Segala perkataan yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan perkataan-perkataan yang pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelummu. Sesungguhnya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih (43). Dan andainya Kami jadikan Al-Qur'an itu dalam bahasa asing tentulah mereka bersungut mengapakah tidak dijelaskan ayat-ayatnya? Apakah Al-Qur'an itu bahasa asing dan bahasa Arab? Katakanlah bahawa Al-Qur'an itu adalah hidayat dan penawar kepada orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman terdapat sumbatan dalam telinga mereka dan Al-Qur'an menjadi suatu kegelapan kepada mereka. Mereka (seolah-olah) orang yang dipanggil dari tempat yang jauh (44). Sesungguhnya Kami telah kurniakan Musa kitab suci, lalu berlakulah pertikaian mengenainya. Jika tidak kerana adanya keputusan (penangguhan hukuman) yang telah ditetapkan sebelum ini tentulah dijatuhkan hukuman 'azab di antara mereka. Dan sesungguhnya mereka berada di dalam kesangsian yang meragukan mereka terhadapnya (Al-Qur'an) (45). Barang siapa yang mengerjakan amalan yang soleh, maka kebaikannya terpulang kepada dirinya, dan barang siapa yang melakukan kejahatan, maka akibatnya akan menimpa dirinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali zalim terhadap hamba-hamba-Nya." (46).

إِلَيْهِ يُرَدُّ عِلْمُ السَّاعَةِ ۚ وَمَا تَخْرُجُ مِن ثَمَرَاتٍ مِّنْ
أَكْمَامِهَا وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِ ۚ
وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَيْنَ شُرَكَائِي قَالُوا آذَنَّاكَ مَا مِنَّا
مِن شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾

وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا يَدْعُونَ مِن قَبْلُ ۖ وَظَنُّوا مَا
لَهُم مِّن مَّحِيصٍ ﴿٤٨﴾

لَّا يَسْأَمُ الْإِنسَانُ مِن دُعَاءِ الْخَيْرِ وَإِن مَّسَّهُ الشَّرُّ
فَيَئُوسٌ قَنُوطٌ ﴿٤٩﴾

وَلَئِنْ أَذَقْنَاهُ رَحْمَةً مِّنَّا مِن بَعْدِ ضَرَّاءَ مَسَّتْهُ
لَيَقُولَنَّ هَٰذَا لِي وَمَا أَظُنُّ السَّاعَةَ قَائِمَةً وَلَئِن
رُّجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّي إِنَّ لِي عِندَهُ لَلْحُسْنَىٰ ۚ فَلَنُنَبِّئَنَّ

الَّذِينَ كَفَرُوا بِمَا عَمِلُوا وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٠﴾

وَإِذَا أَنْعَمْنَا عَلَى الْإِنسَانِ أَعْرَضَ وَنَأَى بِجَانِبِهِ وَإِذَا مَسَّهُ الشَّرُّ فَذُو دُعَاءٍ عَرِيضٍ ﴿٥١﴾

قُلْ أَرَأَيْتُمْ إِن كَانَ مِنْ عِندِ اللَّهِ ثُمَّ كَفَرْتُم بِهِ مَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ هُوَ فِي شِقَاقٍ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

سَنُرِيهِمْ آيَاتِنَا فِي الْآفَاقِ وَفِي أَنفُسِهِمْ حَتَّى يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ الْحَقُّ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾

أَلَا إِنَّهُمْ فِي مِرْيَةٍ مِّن لِّقَاءِ رَبِّهِمْ أَلَا إِنَّهُ بِكُلِّ شَيْءٍ مُّحِيطٌ ﴿٥٤﴾

[7]*"Hanya kepada Allah terpulangnya ilmu kedatangan Qiamat itu. Tiada buah-buahan yang keluar dari kelompok bunganya, tiada perempuan yang mengandung dan tiada yang melahirkan anak melainkan semuanya dengan ilmu Allah. Pada hari Allah menyeru mereka (kaum Musyrikin) di manakah sekutu-sekutu-Ku? Jawab mereka: Kami memaklumkan kepada-Mu tiada seorang pun dari kami (pada hari ini) yang menyaksikan (bahawa Engkau mempunyai sekutu-sekutu) (47). Dan hilang lenyaplah segala sembahan yang disembahkan mereka sebelum ini dan kini yakinlah mereka bahawa mereka tidak mempunyai sebarang jalan (untuk melepaskan diri) (48). Manusia tidak jemu memohon kebaikan dan jika dia disentuh kesusahan, dia terus berputus asa (49). Dan sekiranya Kami rasakannya rahmat dari Kami setelah disentuh kesusahan, dia berkata (sombong): Ini adalah hasil usahaku. Dan aku tidak fikir hari Qiamat itu akan berlaku, dan jika aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperoleh anugerah yang terbaik di sisinya. Demi sesungguhnya kami akan memberitahu kepada orang-orang yang kafir segala apa yang telah dilakukan mereka dan kami akan rasakan mereka 'azab yang amat berat (50). Dan apabila Kami kurniakan ni'mat kepada manusia, dia berpaling dan menjauhkan dirinya (dari Kami) dan apabila dia disentuh bala bencana, maka dia berdo'a dengan panjang lebar (51). Katakanlah: Apa pendapat kamu jika Al-Qur'an itu datang dari sisi Allah, kemudian kamu ingkarkannya. Siapakah yang lebih sesat dari mereka yang sentiasa berada dalam perselisihan yang amat jauh (dari kebenaran)? (52) Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar. Tidakkah cukup kepada mereka bahawa Tuhanmu itu menyaksi segala sesuatu (53). Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah. Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)*

Ini adalah satu pusingan baru memperkatakan tentang hati manusia dalam bidang da'wah. Ia dimulakan dengan pengembaraan memperhatikan bukti-bukti kekuasaan Allah di alam buana iaitu kejadian-kejadian malam, siang, matahari dan bulan. Di kalangan kaum Musyrikin terdapat orang-orang yang sujud kepada matahari dan bulan di samping mereka bertuhankan Allah, sedangkan kedua-duanya dari ciptaan Allah kemudian diiringi dengan satu kenyataan bahawa mereka bersikap sombong untuk menyembah Allah, sedangkan para malaikat menyembah Allah dan lebih dekat kepada-Nya. Kemudian seluruh bumi berada di maqam ibadat ketika menerima anugerah hayat dari Tuhannya. Mereka juga menerima anugerah hayat dari Allah tetapi mereka tidak menggunakannya untuk bergerak menuju Allah. Mereka ingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah pada alam buana di samping mengingkarkan ayat-ayat Al-Qur'an, sedangkan Al-Qur'an itu dalam bahasa Arab yang tulen tidak bercampur dengan bahasa asing. Setelah itu Al-Qur'an membawa mereka menyaksikan satu pemandangan Qiamat. Kemudian menayangkan kejadian diri mereka sendiri kepada mereka dengan menelanjangi segala titik-titik kelemahan, perubahan dan kelupaan mereka, juga mendedahkan sifat mereka yang lupakan kesenangan dan sifat mereka yang cemas apabila ditimpa kesusahan. Mereka tidak berupaya melindungi diri mereka dan menghadapi bala bencana dari Allah yang menimpa mereka. Kemudian surah ini berakhir dengan menyebut janji Allah yang akan memperlihatkan kepada manusia bukti-bukti kekuasaan-Nya yang terdapat pada kejadian-kejadian di merata pelosok alam dan pada kejadian diri mereka sendiri hingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu benar dan terhapuslah segala keraguan dari hati mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 37 - 39)

وَمِنْ آيَاتِهِ اللَّيْلُ وَالنَّهَارُ وَالشَّمْسُ وَالْقَمَرُ لَا تَسْجُدُوا لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَاسْجُدُوا لِلَّهِ الَّذِي خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menciptakan mereka jika kamu benar-benar menyembahkan-Nya."(37)

Bukti-bukti kekuasaan Allah ini terbentang di hadapan mata semua orang. Ia boleh dilihat oleh si alim dan si jahil. Ia memikat hati manusia secara langsung walaupun seorang itu tidak mengetahui sedikitpun tentang hakikat ilmiyahnya. Sebenarnya di antara kejadian-kejadian alam buana dengan makhluk

[7] *Juzu' 25 bermula daripada ayat (47) Surah ini.*

manusia itu terdapat hubungan yang lebih mendalam dari pengetahuan ilmiayah, iaitu hubungan dalam penciptaan, fitrah dan dalam struktur kejadian. Manusia dari alam buana dan alam buana juga dari jenis kejadiannya seperti manusia, penciptaan manusia sama dengan penciptaan kejadian-kejadian alam buana, bahan kejadian manusia sama dengan bahan kejadian alam buana, fitrah manusia sama dengan fitrah alam buana dan undang-undang yang mengendali manusia sama dengan undang-undang yang mengendalikan alam buana. Tuhan manusia ialah Tuhan alam buana. Oleh sebab itulah manusia menyambut alam buana dengan perasaannya yang mendalam dan memahami logiknya secara langsung.

Oleh sebab itulah Al-Qur'an biasanya berpada dengan mengarahkan hati manusia supaya memperhatikan kejadian alam buana dan menggerakkannya dari kelalaiannya dan terhadap alam buana. Kelalaian itu kadang-kadang melanda mereka kerana terlalu biasa dengannya dan kadang-kadang kerana dihalangi oleh berbagai-bagai halangan. Oleh kerana itu Al-Qur'an menghapuskan halangan-halangan itu darinya supaya ia hidup dan sedar kembali bermesra dan saling berinteraksi dengan alam buana sebagai sahabat yang telah dikenalinya sejak sekian lama.

Ayat ini juga mengemukakan salah satu bentuk penyelewengan, iaitu di sana ada satu kaum yang menunjukkan perasaan mesra yang berlebihan kepada matahari dan bulan, iaitu perasaan yang menyeleweng dan sesat. Mereka menyembah kedua-dua makhluk ini atas nama mendekatkan diri kepada Allah dengan menyembah seindah-indah makhluk-Nya. Oleh sebab itu Al-Qur'an datang untuk mengembalikan mereka dari penyelewengan ini dan menghapuskan kekeliruan dari 'aqidah mereka yang ternoda. Al-Qur'an berkata kepada mereka: Jika kamu benar-benar menyembah Allah, maka janganlah kamu sujud kepada matahari dan bulan.

وَٱسۡجُدُواْ لِلَّهِ ٱلَّذِي خَلَقَهُنَّ

"Sujudlah kepada Allah yang telah menciptakan mereka."(37)

Keengganan Manusia Menyembah Allah Tidak Menjejaskan Kebesarannya

Allah Pencipta itulah satu-satunya Tuhan yang pasti disembah oleh seluruh makhluk, sedangkan matahari dan bulan hanya makhluk seperti kamu dan kedua--duanya juga bertawajjuh kepada Allah Penciptanya. Oleh itu bertawajjuhlah bersama mereka kepada Allah Pencipta Yang Tunggal-yang layak disembah. Di sini Al-Qur'an menyebut matahari dan bulan dengan dhamir jama' mu'annath iaitu "خلقهن" kerana memandang kepada bintang-bintang dan planet-planet yang sejenis dan bersaudara dengan kedua-duanya. Al-Qur'an memperkatakan matahari, bulan, bintang-bintang dan planet itu dengan mengguna dhamir jama' mu'annath yang berakal untuk menyalutkan ciri hidup dan berakal, dan menggambarkan kejadian itu seolah-olah individu-individu yang mempunyai akal.

Sekiranya mereka tetap bersikap sombong setelah dikemukakan bukti-bukti kekuasaan Allah dan penjelasan ini, maka ia tidak akan menjejaskan suatu apa dan tidak akan menambah atau mengurangkan sesuatu apa (dari kebesaran Allah), kerana makhluk yang lain tetap menyembah Allah tanpa berlagak takbur (seperti mereka):

فَإِنِ ٱسۡتَكۡبَرُواْ فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ يُسَبِّحُونَ لَهُۥ بِٱلَّيۡلِ وَٱلنَّهَارِ وَهُمۡ لَا يَسۡـَٔمُونَ ۩ ﴿٣٨﴾

"Oleh itu jika mereka terus berlagak takbur, maka mereka (para malaikat) yang ada di sisi Tuhanmu sentiasa bertasbih kepada-Nya malam dan siang, sedangkan mereka tidak pernah jemu."(38)

Yang paling dekat terlintas di hati ketika disebut:

فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ

"Mereka yang ada di sisi Tuhanmu"(38)

ialah para malaikat, tetapi mungkin di sana ada hamba-hamba Allah yang muqarrabin yang lain dari malaikat. Tidakkah ilmu kita hanya mengetahui sedikit sahaja?

Mereka yang ada di sisi Tuhanmu itu adalah lebih tinggi, lebih mulia dan lebih ta'at. Mereka tidak berlagak sombong seperti manusia-manusia penyeleweng yang sesat di bumi. Mereka tidak terpesona dengan kehampiran mereka dengan Allah dan mereka tidak pernah jemu bertasbih kepada-Nya malam dan siang Oleh itu dengan apakah hendak dibandingkan setengah-setengah manusia yang menjadi penghuni bumi yang telah ketinggalan dari sekalian makhluk yang lain dalam menjunjung hakikat 'Ubudiyah kepada Allah?

Lihatlah bumi yang bertindak selaku ibu yang menyediakan makanan untuk mereka, bumi yang menjadi tempat di mana mereka keluar dan di mana mereka kembali, bumi di mana manusia yang hidup di atas permukaannya kelihatan seolah-olah seperti semut-semut yang bergerak dan tidak mendapat sebarang makanan dan minuman melainkan makanan dan minuman yang diambil dari bumi. Bumi ini adalah berdiri khusyu' kepada Allah ketika menerima anugerah hayat:

وَمِنۡ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلۡأَرۡضَ خَٰشِعَةٗ فَإِذَآ أَنزَلۡنَا عَلَيۡهَا ٱلۡمَآءَ ٱهۡتَزَّتۡ وَرَبَتۡۚ إِنَّ ٱلَّذِيٓ أَحۡيَاهَا لَمُحۡيِ ٱلۡمَوۡتَىٰٓۚ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَيۡءٖ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah engkau melihat bumi diam khusyu' dan apabila Kami turunkan air

hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur. Sesungguhnya Tuhan yang berkuasa menghidupkan bumi itu berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(39)

Gambaran Seni Harakat Bumi Ketika Ditimpa Hujan

Marilah kita berhenti sejenak di hadapan kehalusan pengungkapan Al-Qur'an di semua tempat. Maksud ungkapan bumi khusyu' di sini ialah keadaannya yang diam sebelum ditimpa air hujan.

فَإِذَآ أَنزَلْنَا عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ ۚ

"Apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur."(39)

Seolah-olah gerak atau harakatnya itu merupakan harakat bersyukur dan bersolat di atas ni'mat air yang menjadi sebab atau punca hayat. Ini kerana rangkaian yang membicarakan ayat ini ialah rangkaian ayat yang membicarakan tentang khusyu' ibadat dan tasbih. Oleh itulah bumi dibawa ke dalam senario ini sebagai satu individu dari individu-individu yang hadir dalam senario ini yang turut serta melahirkan perasaan dan harakat yang sesuai dengannya.

Di sini kami pinjam satu halaman dari buku "Penggambaran Yang Seni Di Dalam Al-Qur'an" tentang keselarasan yang seni dalam pengungkapan yang seperti ini: [8]

Al-Qur'an menggambarkan bumi sebelum turunnya hujan dan sebelum tumbuhnya tumbuh-tumbuhan sekali dengan menggunakan kata-kata "هامدة" iaitu tandus kering, dan sekali pula dengan menggunakan kata "خاشعة" iaitu khusyu' diam. Mungkin setengah-setengah orang memahami bahawa kedua-dua ungkapan itu hanya merupakan kepelbagaian dalam pengungkapan sahaja, oleh itu marilah kita melihat bagaimana kedua-dua ungkapan itu digunakan. Kedua-dua itu disebut dalam dua perbicaraan yang berlainan:

Kata-kata "هامدة" atau tandus kering datang dalam ayat yang berikut:

يَٰٓأَيُّهَا ٱلنَّاسُ إِن كُنتُمْ فِى رَيْبٍ مِّنَ ٱلْبَعْثِ فَإِنَّا خَلَقْنَٰكُم مِّن تُرَابٍ ثُمَّ مِن نُّطْفَةٍ ثُمَّ مِنْ عَلَقَةٍ ثُمَّ مِن مُّضْغَةٍ مُّخَلَّقَةٍ وَغَيْرِ مُخَلَّقَةٍ لِّنُبَيِّنَ لَكُمْ ۚ وَنُقِرُّ فِى ٱلْأَرْحَامِ مَا نَشَآءُ إِلَىٰٓ أَجَلٍ مُّسَمًّى ثُمَّ نُخْرِجُكُمْ طِفْلًا ثُمَّ لِتَبْلُغُوٓا۟ أَشُدَّكُمْ ۖ وَمِنكُم مَّن يُتَوَفَّىٰ وَمِنكُم مَّن يُرَدُّ إِلَىٰٓ أَرْذَلِ ٱلْعُمُرِ لِكَيْلَا يَعْلَمَ مِنۢ بَعْدِ عِلْمٍ شَيْـًٔا ۚ وَتَرَى ٱلْأَرْضَ هَامِدَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ وَأَنۢبَتَتْ مِن كُلِّ زَوْجٍۭ بَهِيجٍ ﴿٥﴾

"Wahai manusia! Jika kamu dalam keraguan tentang kebangkitan selepas mati, maka (ketahuilah) bahawa Kami telah menciptakan kamu dari tanah kemudian dari nutfah kemudian dari segumpal darah, kemudian dari segumpal daging yang sempurna kejadiannya dan yang tidak sempurna kejadiannya supaya Kami jelaskan kepada kamu. Dan Kami tetapkan di dalam rahim kandungan yang Kami kehendaki sehingga sampai kepada waktu yang tertentu, kemudian Kami keluarkan kamu sebagai bayi, kemudian kamu sampai kepada usia dewasa kamu, dan di antara kamu ada yang dimatikan dan di antara kamu ada pula yang dipanjangkan usianya hingga kepada usia yang amat tua hingga ia tidak mengetahui suatu apa pun yang diketahui dahulunya. Dan engkau lihat bumi itu tandus kering, kemudian apabila Kami turunkan air ke atasnya ia pun bergerak dan subur dan menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan yang indah."

(Surah al-Hajj: 5)

Dan kata-kata "خاشعة'" datang dalam rangkaian ayat ini:

وَمِنْ ءَايَٰتِهِ ٱلَّيْلُ وَٱلنَّهَارُ وَٱلشَّمْسُ وَٱلْقَمَرُ ۚ لَا تَسْجُدُوا۟ لِلشَّمْسِ وَلَا لِلْقَمَرِ وَٱسْجُدُوا۟ لِلَّهِ ٱلَّذِى خَلَقَهُنَّ إِن كُنتُمْ إِيَّاهُ تَعْبُدُونَ ﴿٣٧﴾ فَإِنِ ٱسْتَكْبَرُوا۟ فَٱلَّذِينَ عِندَ رَبِّكَ يُسَبِّحُونَ لَهُۥ بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ وَهُمْ لَا يَسْـَٔمُونَ ﴿٣٨﴾ وَمِنْ ءَايَٰتِهِۦٓ أَنَّكَ تَرَى ٱلْأَرْضَ خَٰشِعَةً فَإِذَآ أَنزَلْنَا عَلَيْهَا ٱلْمَآءَ ٱهْتَزَّتْ وَرَبَتْ ۚ

"Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah penciptaan malam, siang, matahari dan bulan. Janganlah kamu sujud kepada matahari dan janganlah pula sujud kepada bulan dan sujudlah kepada Allah yang telah menjadikan mereka itu jika kamu benar-benar menyembahkan-Nya (37). Oleh itu jika mereka terus berlagak takbur, maka mereka (para malaikat) yang ada di sisi Tuhanmu sentiasa bertasbih kepada-Nya malam dan siang, sedangkan mereka tidak pernah jemu." (38). Dan di antara bukti-bukti kekuasaan-Nya ialah engkau melihat bumi diam khusyu' dan apabila Kami turunkan air hujan ke atasnya ia pun bergerak dan subur."(39)

Dengan sekilas perhatian kepada dua rangkaian ayat ini jelaslah wujudnya keserasian dalam ungkapan 'kering tandus' dan ungkapan 'khusyu'' itu, kerana suasana di dalam rangkaian ayat yang pertama ialah suasana membangkit, menghidup dan mengeluarkan tumbuhan, oleh itu bumi sesuai digambarkan di sini

[8] "التصوير الفني في القرآن" *oleh Sayyid Qutb.*

dengan kering tandus kemudian bergerak, subur dan menumbuhkan berbagai-bagai tumbuhan. Sementara suasana dalam rangkaian ayat yang kedua ialah suasana ibadat, khusyu' dan sujud. Oleh itu bumi sesuai digambarkan di sini dengan khusyu' diam dan apabila air hujan turun ia pun bergerak dan subur.

Di dalam ayat ini hanya disebut **"bergerak dan subur"**(اهتزت وربت) tanpa dengan "menumbuh atau mengeluarkan tumbuh-tumbuhan", kerana ungkapan ini tidak sesuai dengan suasana ibadat dan sujud. Maksud **"bergerak dan subur"** dalam ayat ini berlainan dengan maksud "bergerak dan subur" di dalam ayat sana, kerana maksud bergerak dan subur di dalam ayat ini ialah menggambarkan gerakan bumi selepas ia khusyu' kepada Allah. Jadi, gerakan inilah yang dimaksudkan di sini, kerana segala sesuatu yang ada di dalam pemandangan itu melakukan gerakan ibadat dan tentulah tidak munasabah bumi sahaja yang tinggal khusyu' dan diam, oleh sebab itulah ia bergerak untuk turut bergerak bersama para 'Abid yang bergerak di dalam pemandangan itu supaya tidak ada bahagian dari bahagian-bahagian yang wujud dalam pemandangan itu yang tinggal khusyu' dan diam, sedangkan bahagian-bahagian yang lain di sekelilingnya semuanya bergerak belaka. Inilah satu cara kehalusan pengungkapan Al-Qur'an untuk menyesuaikan dengan gerakan atau harakat yang dikhayalkan itu yang mengatasi segala penilaian yang lain..." hingga akhir.

Marilah kita kembali semula kepada nas Al-Qur'an dan di sini kita dapati bahawa ulasan di akhir ayat itu memberi isyarat kepada kuasa menghidupkan kembali orang-orang yang mati dan menggunakan kuasa menghidupkan bumi yang tandus itu sebagai contoh dan dalil:

إِنَّ ٱلَّذِىٓ أَحْيَاهَا لَمُحْىِ ٱلْمَوْتَىٰٓ ۚ إِنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ قَدِيرٌ ﴿٣٩﴾

"Sesungguhnya Tuhan yang berkuasa menghidupkan bumi itu berkuasa pula menghidupkan orang-orang yang mati. Sesungguhnya Dia Maha Berkuasa di atas segala sesuatu."(39)

Di dalam Al-Qur'an, pemandangan yang seperti ini ditayangkan berulang-ulang kali dan digunakan sebagai contoh menghidupkan orang-orang yang telah mati di Akhirat dan sebagai dalil kekuasaan Allah. Pemandangan hayat di bumi itu amat dekat kepada setiap hati, kerana ia terus menyentuh hati manusia sebelum menyentuh akal mereka, sedangkan hayat yang mendenyut di antara benda-benda yang mati itu menyarankan secara halus wujudnya qudrat dan kuasa pencipta kepada hati. Al-Qur'an berbicara dengan fitrah manusia dengan bahasanya sendiri mengikut jalan yang paling dekat.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat 40)

Ancaman Kepada Mereka Yang Mengingkarkan Bukti-bukti Kekuasaan Allah

Di hadapan pemandangan bukti-bukti kejadian alam buana yang memberi kesan yang mendalam ini datanglah pula amaran dan ancaman kepada orang-orang yang mengingkarkan bukti-bukti kekuasaan Allah yang amat jelas itu atau memutarbelitkannya:

إِنَّ ٱلَّذِينَ يُلْحِدُونَ فِىٓ ءَايَٰتِنَا لَا يَخْفَوْنَ عَلَيْنَآ ۗ أَفَمَن يُلْقَىٰ فِى ٱلنَّارِ خَيْرٌ أَم مَّن يَأْتِىٓ ءَامِنًا يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ ٱعْمَلُوا۟ مَا شِئْتُمْ ۖ إِنَّهُۥ بِمَا تَعْمَلُونَ بَصِيرٌ ﴿٤٠﴾

"Sesungguhnya orang-orang yang mengingkarkan ayat-ayat Kami tidak tersembunyi dari Kami. Adakah orang yang dicampakkan ke dalam Neraka itu lebih baik atau orang yang datang dengan aman dan selamat pada hari Qiamat itu (lebih baik)? Buatlah apa yang kamu suka. Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(40)

Ancaman itu dimulai dengan ancaman secara halus tetapi menakutkan iaitu mereka:

لَا يَخْفَوْنَ عَلَيْنَآ ۗ

"Tidak tersembunyi dari Kami"(40)

yakni mereka sentiasa terdedah kepada ilmu Allah. Mereka akan dihukum dengan sebab keingkaran mereka walau bagaimanapun mereka berdalih dan memutar belit. Mereka fikir mereka boleh terlepas dari tangan kekuasaan Allah sebagaimana mereka telah berjaya melepaskan diri mereka dari hisab manusia dengan putar belit.

Kemudian Al-Qur'an memberi ancaman yang terus-terang:

أَفَمَن يُلْقَىٰ فِى ٱلنَّارِ خَيْرٌ أَم مَّن يَأْتِىٓ ءَامِنًا يَوْمَ ٱلْقِيَٰمَةِ ۚ

"Adakah orang yang dicampakkan ke dalam Neraka itu lebih baik atau orang yang datang dengan aman dan selamat pada hari Qiamat itu (lebih baik)?"(40)

Ini adalah satu sindiran terhadap mereka dan terhadap kesudahan yang menunggu mereka iaitu mereka akan dicampak ke dalam Neraka dan akan mengalami ketakutan dan kecemasan, serta membandingkan mereka dengan orang-orang yang beriman yang datang dengan keadaan aman dan selamat.

Kemudian ayat ini diakhiri dengan satu ancaman lain yang halus iaitu:

"Buatlah apa yang kamu suka. Sesungguhnya Dia Maha Melihat segala apa yang dilakukan kamu."(40)

Alangkah ngerinya nasib kesudahan orang yang diberi kebebasan bertindak kemudian dia memilih

mengingkarkan ayat-ayat Allah, sedangkan Allah melihat segala perbuatan mereka.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 41 - 44)

Al-Qur'an Keteguhan Kitab Suci Al-Qur'an

Kemudian Al-Qur'an berpindah pula kepada orang-orang yang menyangkalkan ayat-ayat Al-Qur'an iaitu sebuah kitab suci yang amat kuat dan teguh, tidak dinodai sebarang kebatilan baik dari dekat mahupun dari jauh:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِٱلذِّكۡرِ لَمَّا جَآءَهُمۡۖ وَإِنَّهُۥ لَكِتَٰبٌ عَزِيزٞ ٤١

لَّا يَأۡتِيهِ ٱلۡبَٰطِلُ مِنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَلَا مِنۡ خَلۡفِهِۦۖ تَنزِيلٞ مِّنۡ حَكِيمٍ حَمِيدٖ ٤٢

مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدۡ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبۡلِكَۚ إِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغۡفِرَةٖ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٖ ٤٣

وَلَوۡ جَعَلۡنَٰهُ قُرۡءَانًا أَعۡجَمِيّٗا لَّقَالُواْ لَوۡلَا فُصِّلَتۡ ءَايَٰتُهُۥٓۖ ءَا۬عۡجَمِيّٞ وَعَرَبِيّٞۗ قُلۡ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُواْ هُدٗى وَشِفَآءٞۚ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤۡمِنُونَ فِيٓ ءَاذَانِهِمۡ وَقۡرٞ وَهُوَ عَلَيۡهِمۡ عَمًىۚ أُوْلَٰٓئِكَ يُنَادَوۡنَ مِن مَّكَانِۭ بَعِيدٖ ٤٤

"Sesungguhnya orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an ketika ia datang kepada mereka (amatlah keji perbuatan mereka), dan sesungguhnya Al-Qur'an adalah sebuah kitab yang amat kuat (41). Ia tidak sekali-kali didatangi kebatilan dari hadapan dan tidak pula dari belakang. Ia adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Terpuji (42). Segala perkataan yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan perkataan-perkataan yang pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelum-Mu. Sesungguhnya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih (43). Dan andainya Kami jadikan Al-Qur'an itu dalam bahasa asing tentulah mereka bersungut mengapakah tidak dijelaskan ayat-ayatnya? Apakah Al-Qur'an itu bahasa asing dan bahasa Arab? Katakanlah bahawa Al-Qur'an itu adalah hidayat dan penawar kepada orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman terdapat sumbatan dalam telinga mereka dan Al-Qur'an menjadi suatu kegelapan kepada mereka. Mereka (seolah-olah) orang yang dipanggil dari tempat yang jauh.(44)"

Ayat ini memperkatakan tentang orang-orang kafir yang mengingkarkan Al-Qur'an tanpa menyebut siapa mereka dan balasan yang akan menimpa mereka:

إِنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُواْ بِٱلذِّكۡرِ لَمَّا جَآءَهُمۡۖ

"Sesungguhnya orang-orang yang ingkarkan Al-Qur'an ketika ia datang kepada mereka."(41)

Seolah-olah hendak dinyatakan bahawa perbuatan mereka adalah satu perbuatan yang tidak dapat disifatkan dengan suatu sifat yang sesuai kerana terlalu keji.

Oleh sebab itulah ditinggalkan khabar "أن" dan terus menyebut sifat Al-Qur'an yang diingkarkan mereka dengan tujuan untuk menggambarkan perbuatan mereka sebagai perbuatan yang terlalu keji:

وَإِنَّهُۥ لَكِتَٰبٌ عَزِيزٞ ٤١

لَّا يَأۡتِيهِ ٱلۡبَٰطِلُ مِنۢ بَيۡنِ يَدَيۡهِ وَلَا مِنۡ خَلۡفِهِۦۖ تَنزِيلٞ مِّنۡ حَكِيمٍ حَمِيدٖ ٤٢

"Sesungguhnya Al-Qur'an itu adalah sebuah kitab yang amat kuat (41). Ia tidak sekali-kali didatangi kebatilan dari hadapan dan tidak pula dari belakang. Ia adalah diturun dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Terpuji."(42)

Masakan Al-Qur'an ini dinodai kebatilan kerana ia adalah terbit dari Allah Yang Maha Benar, kerana ia menerangkan kebenaran dan kerana ia berhubung dengan kebenaran yang menjadi tapak tegaknya langit dan bumi.

Masakan ia dinodai kebatilan kerana ia sebuah kitab yang amat kuat, yang dijaga dan dipeliharakan oleh Allah S.W.T. sendiri:

إِنَّا نَحۡنُ نَزَّلۡنَا ٱلذِّكۡرَ وَإِنَّا لَهُۥ لَحَٰفِظُونَ ٩

"Sesungguhnya Kamilah yang menurunkan Al-Qur'an dan sesungguhnya Kamilah yang memeliharakannya."

(Surah al-Hijr: 9)

Orang yang meneliti Al-Qur'an akan menemui dalam lembarannya kebenaran yang diturunkan itu, iaitu kebenaran yang mahu ditegakkannya. Ia akan menemui kebenaran itu di dalam roh dan nas Al-Qur'an, ia akan menemuinya dengan mudah iaitu kebenaran yang memberi ketenteraman semulajadi, yang berbicara dengan fitrah manusia dan menerapkan ke dalam hati kesan-kesannya yang amat mena'jubkan.

تَنزِيلٞ مِّنۡ حَكِيمٍ حَمِيدٖ ٤٢

"Ia adalah diturunkan dari Allah Yang Maha Bijaksana dan Maha Terpuji."(42)

Kebijaksanaan itu jelas pada susunan ayat-ayatnya, pada bimbingan-bimbingannya dan pada cara turunnya dan cara ia mengubati hati manusia dari

jalan yang paling dekat. Dan Allah yang telah menurunkan Al-Qur'an ini amatlah wajar disanjung tinggi, dan di dalam Al-Qur'an terdapat berbagai pengajaran dan pengetahuan yang merangsangkan hati untuk mencurahkan sebanyak-banyak kepujian kepada Allah.

Hubungan Al-Qur'an Dengan Kitab-kitab Suci Sebelumnya

Kemudian ia menghubungkan di antara Al-Qur'an dengan wahyu-wahyu yang lain sebelumnya dan di antara Rasulullah s.a.w. dengan para rasul sebelumnya. Ia mengumpulkan seluruh keluarga Nubuwwah (kenabian) dalam satu kumpulan yang menerima dari Allah wahyu yang sama yang mengikatkan jiwa dan hati seluruh mereka dan mengikat cara perjuangan dan da'wah mereka. Ia membuat seorang Muslim yang terakhir (Nabi Muhammad s.a.w.) turut merasa bahawa dia juga merupakan satu cabang dari satu pokok yang besar dan teguh atau merupakan satu anggota dari satu keluarga, yang amat tua di dalam sejarah itu:

مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ ۚ إِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾

"Segala perkataan yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan perkataan-perkataan yang pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelummu. Sesungguhnya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih."(43)

Itulah satu wahyu yang sama, satu risalah yang sama dan satu 'aqidah yang sama. Begitu juga ia diberi sambutan yang sama oleh manusia, pendustaan yang sama dan tentangan-tentangan yang sama. Ia juga satu jalan yang sama, satu pokok yang sama, satu keluarga yang sama, penderitaan-penderitaan yang sama, pengalaman-pengalaman dan ujian-ujian yang sama, matlamat yang sama dan seterusnya merupakan satu jalan perjuangan yang terus bersambung menyambung.

Alangkah besarnya perasaan mesra dan perasaan merasa kuat, dan alangkah besarnya kesabaran dan keazaman yang disarankan oleh hakikat ini kepada para penda'wah yang berjalan di jalan yang telah dilalui sebelum ini oleh Nuh, Ibrahim, Musa, 'Isa, Muhammad dan seluruh saudara mereka! Ya Allah! Cucurkanlah rahmat kesejahteraan-Mu ke atas mereka sekalian!

Alangkah besarnya rasa kehormatan dan kebanggaan, dan alangkah tingginya rasa keunggulan yang dapat mengatasi segala kesulitan, kesukaran, rintangan dan duri di tengah jalan perjuangan! Rasul yang mendokong da'wah ini meneruskan perjuangannya dengan kesedaran, bahawa rasul-rasul sebelumnya juga mengharungi jalan ini, merekalah kumpulan pilihan Allah dari umat manusia.

Itulah satu hakikat yang benar:

مَّا يُقَالُ لَكَ إِلَّا مَا قَدْ قِيلَ لِلرُّسُلِ مِن قَبْلِكَ ۚ

"Segala perkataan yang dikatakan kepadamu itu tidak lain melainkan perkataan-perkataan yang pernah dikatakan kepada rasul-rasul sebelummu."(43)

Alangkah besarnya kesan yang ditanam oleh hakikat ini di dalam hati orang-orang yang beriman:

Inilah yang dilakukan oleh Al-Qur'an apabila ia menanamkan hakikat yang agung ini di dalam hati para penda'wah.

Di antara ajaran yang diajar kepada para rasul dan kepada Nabi Muhammad s.a.w. selaku penamat para rasul ialah:

إِنَّ رَبَّكَ لَذُو مَغْفِرَةٍ وَذُو عِقَابٍ أَلِيمٍ ﴿٤٣﴾

"Sesungguhnya Tuhanmu itu mempunyai anugerah keampunan dan mempunyai hukuman keseksaan yang amat pedih."(43)

Tujuan ajaran ini ialah supaya jiwa seorang Mu'min itu tetap, jujur, lurus dan imbang, iaitu dia sentiasa mengharapkan rahmat Allah dan keampunan-Nya dan sama sekali tidak akan berputus asa dari rahmat-Nya. Dan serentak itu juga dia sentiasa menaruh ketakutan kepada balasan Allah dan sama sekali tidak akan lalai darinya.

Itulah imbangan yang menjadi ciri Islam yang semulajadi.

Mengapa Al-Qur'an Diturunkan Dalam Bahasa Arab?

Kemudian Al-Qur'an mengingatkan mereka dengan suatu ni'mat yang dikurniakan Allah kepada mereka, iaitu Allah telah menurunkan Al-Qur'an dalam bahasa Arab yang ditutur oleh mereka, di samping menyindirkan tindak-tanduk mereka yang degil, suka menyangkal, membantah dan menyeleweng.

وَلَوْ جَعَلْنَٰهُ قُرْءَانًا أَعْجَمِيًّا لَّقَالُوا۟ لَوْلَا فُصِّلَتْ ءَايَٰتُهُۥٓ ۖ ءَا۬عْجَمِىٌّ وَعَرَبِىٌّ ۗ

"Dan andainya Kami jadikan Al-Qur'an itu dalam bahasa asing tentulah mereka bersungut mengapakah tidak dijelaskan ayat-ayatnya? Apakah Al-Qur'an itu bahasa asing dan bahasa Arab?"(44)

Mereka tidak mahu mendengar Al-Qur'an walaupun ia dalam bahasa Arab, malah mereka takut kepada Al-Qur'an kerana ia berbicara dengan orang-orang Arab dengan bahasa ibunda mereka sendiri. Oleh kerana itu mereka berkata: **"Janganlah kamu dengar Al-Qur'an ini dan hapuskan pengaruhnya supaya kamu dapat mengatasi mereka"** dan sekiranya Allah jadikan Al-Qur'an ini dalam bahasa yang bukan Arab tentulah mereka akan membuat bantahan juga. Mereka akan berkata: Mengapa Al-

Qur'an tidak diturun dengan bahasa Arab yang fasih, jelas dan halus. Dan sekiranya Allah jadikan Al-Qur'an itu separuh dalam bahasa asing dan separuh lagi bahasa Arab tentulah mereka akan bersungut pula: Adakah patut Al-Qur'an itu diturun dengan bahasa asing yang bercampur dengan bahasa Arab? Semuanya itu adalah tindak-tanduk yang bertujuan hendak berbantah, bertengkar, berdebat dan mengingkar semata-mata.

Hakikat yang sebenar yang disaringkan di sebalik perdebatan di sekitar bentuk bahasa Al-Qur'an itu ialah kitab Al-Qur'an ini adalah petunjuk dan penawar kepada orang-orang Mu'min. Hanya hati orang-orang yang beriman sahaja yang dapat memahami tabi'at dan hakikat Al-Qur'an. Merekalah sahaja yang dapat mengambil hidayat dan penawar darinya. Bagi orang-orang yang tidak beriman, hati mereka sentiasa tertutup, tidak dapat diresapi kemanisan kitab Al-Qur'an, kerana ada sumbatan dalam telinga mereka dan ada selaput buta di mata hati mereka. Mereka tidak nampak apa-apa kerana terlalu jauh dari Al-Qur'an dan dari seruan-seruannya:

قُلْ هُوَ لِلَّذِينَ ءَامَنُوا۟ هُدًى وَشِفَآءٌ ۖ وَٱلَّذِينَ لَا يُؤْمِنُونَ فِىٓ ءَاذَانِهِمْ وَقْرٌ وَهُوَ عَلَيْهِمْ عَمًى ۚ أُو۟لَٰٓئِكَ يُنَادَوْنَ مِن مَّكَانٍۭ بَعِيدٍ ﴿٤٤﴾

"Katakanlah bahawa Al-Qur'an itu adalah hidayat dan penawar kepada orang-orang yang beriman. Dan orang-orang yang tidak beriman itu ada sumbatan dalam telinga mereka dan Al-Qur'an menjadi suatu kegelapan kepada mereka. Mereka (seolah-olah) orang yang dipanggil dari tempat yang jauh."(44)

Kebenaran kata-kata ini dapat ditemui manusia di setiap zaman dan masyarakat. Orang-orang yang dipengaruhi Al-Qur'an muncul menjadi manusia baru dan hidup penuh bersemangat dan mampu melakukan perkara-perkara yang besar terhadap dirinya dan terhadap masyarakat sekelilingnya. Sebaliknya orang-orang yang merasa Al-Qur'an ini berat kepada pendengaran dan hati mereka, mereka akan bertambah pekak dan buta. Al-Qur'an tetap tidak berubah, tetapi yang berubah ialah hati manusia, Sadaqallahhul-'azim.

* * * * * *

(Pentafsiran-ayat-ayat 45 - 46)

Hukuman Terhadap Pertikaian Mengenai Kitab Suci Ditangguhkan Pada Hari Pengadilan Yang Agung

Kemudian ayat yang berikut menyebut Nabi Musa a.s dan kitabnya, juga perselisihan kaumnya mengenai kitab itu. Ia menyebut beliau sebagai satu contoh bagi rasul-rasul yang disebut sepintas lalu sebelum ini. Allah telah menangguhkan hukumannya terhadap perselisihan mereka dan membuat keputusan bahawa hukuman itu akan diputuskan pada Hari Pengadilan yang agung:

وَلَقَدْ ءَاتَيْنَا مُوسَى ٱلْكِتَٰبَ فَٱخْتُلِفَ فِيهِ ۗ وَلَوْلَا كَلِمَةٌ سَبَقَتْ مِن رَّبِّكَ لَقُضِىَ بَيْنَهُمْ ۚ وَإِنَّهُمْ لَفِى شَكٍّ مِّنْهُ مُرِيبٍ ﴿٤٥﴾

"Sesungguhnya Kami telah kurniakan Musa kitab suci lalu berlakulah pertikaian mengenainya. Jika tidak kerana adanya keputusan (penangguhan hukuman) yang telah ditetapkan sebelum ini tentulah dijatuhkan hukuman 'azab di antara mereka. Dan sesungguhnya mereka berada di dalam kesangsian yang meragukan mereka terhadapnya (Al-Qur'an)."(45)

Demikianlah keputusan Allah menangguhkan hukuman dalam kes risalah yang terakhir ini kepada pengadilan di hari Qiamat yang dijanjikan itu dan membiarkan manusia meneruskan usaha dan amalan-amalan mereka, kemudian mereka akan dibalas mengikut amalan yang dilakukan mereka:

مَّنْ عَمِلَ صَٰلِحًا فَلِنَفْسِهِۦ ۖ وَمَنْ أَسَآءَ فَعَلَيْهَا ۗ وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

"Barangsiapa yang mengerjakan amalan yang soleh, maka kebaikannya terpulang kepada dirinya, dan barang siapa yang melakukan kejahatan, maka akibatnya akan menimpa dirinya. Dan Tuhanmu tidak sekali-kali zalim terhadap hamba-hamba-Nya"(46)[9]

Agama Islam ini telah datang mengisytiharkan bahawa manusia telah pun sampai ke peringkat dewasa, dan oleh itu mereka dipertanggungjawabkan membuat pilihan sendiri, juga mengisytiharkan dasar tanggungjawab peribadi. Setiap orang bebas memilih:

وَمَا رَبُّكَ بِظَلَّٰمٍ لِّلْعَبِيدِ ﴿٤٦﴾

"Dan Tuhanmu tidak sekali-kali zalim terhadap hamba-hamba-Nya."(46)

* * * * * *

---

[9] *Sampai di sini tamatlah Juzu' yang Kedua Puluh Empat, tetapi kami memilih untuk melanjutkan surah ini hingga ke akhirnya yang sangat dekat.*

(Pentafsiran ayat-ayat 47 - 48)

Gambaran Ilmu Allah Yang Amat Seni

Sesuai dengan isyarat kepada hari Qiamat yang akan ditentukan Allah itu, iaitu hari di mana keadilan akan ditegakkan kelak, Al-Qur'an menegaskan bahawa ilmu pengetahuan mengenai penentuan masa Qiamat itu adalah terpulang kepada Allah sahaja sambil menggambarkan ilmu Allah dengan cara yang amat menarik dan menyentuh hati. Ia menyebutkan hal ini di tengah jalan menuju kepada satu pemandangan Qiamat, di mana orang-orang Musyrikin disoaljawab:

إِلَيْهِ يُرَدُّ عِلْمُ ٱلسَّاعَةِ ۚ وَمَا تَخْرُجُ مِن ثَمَرَٰتٍ مِّنْ أَكْمَامِهَا وَمَا تَحْمِلُ مِنْ أُنثَىٰ وَلَا تَضَعُ إِلَّا بِعِلْمِهِۦ ۚ وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَيْنَ شُرَكَآءِى قَالُوٓا۟ ءَاذَنَّٰكَ مَا مِنَّا مِن شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾

وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَدْعُونَ مِن قَبْلُ ۖ وَظَنُّوا۟ مَا لَهُم مِّن مَّحِيصٍ ﴿٤٨﴾

"Hanya kepada Allah terpulangnya ilmu kedatangan Qiamat itu. Tiada buah-buahan yang keluar dari kelompok bunganya, tiada perempuan yang mengandung dan tiada yang melahirkan anak melainkan semuanya dengan ilmu Allah. Pada hari Allah menyeru mereka (kaum Musyrikin): Di manakah sekutu-sekutu-Ku? Jawab mereka: Kami memaklumkan kepada-Mu tiada seorang pun dari kami (pada hari ini) yang menyaksikan (bahawa Engkau mempunyai sekutu-sekutu) (47). Dan hilang lenyaplah segala sembahan yang disembahkan mereka sebelum ini, dan kini yakinlah mereka bahawa mereka tidak mempunyai sebarang jalan (untuk melepaskan diri)."(48)

Hari Qiamat merupakan satu perkara ghaib yang tersembunyi dan majhul. Buah-buah di dalam kelopak-kelopak bunganya merupakan rahsia yang tidak dapat dilihat. Kandungan-kandungan di dalam rahim juga merupakan rahsia ghaib yang tersembunyi. Semuanya tersimpan di dalam ilmu Allah yang mengetahui segala-galanya. Lalu hati pun pergi menjelajah menyelidik buah-buah di dalam kelopak-kelopak bunga dan bayi-bayi di dalam rahim-rahim. Ia pergi menjelajah di merata pelosok bumi memerhatikan kelopak-kelopak bunga yang tidak terhingga banyaknya dan memikirkan bayi-bayi yang tidak dapat dihinggakan imaginasi, dan di sana tergambarlah di dalam hati manusia gambaran hakikat ilmu Allah yang tidak, terbatas itu sekadar yang terdaya olehnya dalam usaha memahami hakikat ilmu Allah yang tiada hingga dan batas itu.

Kemudian ayat yang berikut menggambarkan kumpulan manusia yang sesat berdiri di hadapan ilmu Allah yang mengetahui segala-galanya itu:

وَيَوْمَ يُنَادِيهِمْ أَيْنَ شُرَكَآءِى

"Pada hari Allah menyeru mereka (kaum Musyrikin) di manakah sekutu-sekutu-Ku."(47)

Pada hari ini tiada lagi perdebatan, tiada lagi dolak-dalik dan tiada lagi pertengkaran. Apakah jawapan mereka?

قَالُوٓا۟ ءَاذَنَّٰكَ مَا مِنَّا مِن شَهِيدٍ ﴿٤٧﴾

"Kami memaklumkan kepada-Mu tiada seorang pun dari Kami (pada hari ini) yang menyaksikan (bahawa engkau mempunyai sekutu)."(47)

Kami memaklumkan kepada-Mu dengan yakin: Tiada seorang pun dari kami hari ini yang menyaksikan bahawa engkau mempunyai sekutu!

وَضَلَّ عَنْهُم مَّا كَانُوا۟ يَدْعُونَ مِن قَبْلُ ۖ وَظَنُّوا۟ مَا لَهُم مِّن مَّحِيصٍ ﴿٤٨﴾

"Dan hilang lenyaplah segala sembahan yang disembahkan mereka sebelum ini dan kini yakinlah mereka bahawa mereka tidak mempunyai sebarang jalan (untuk melepaskan diri)."(48)

Mereka tidak lagi mengetahui dakwaan-dakwaan mereka yang telah lalu dan kini jelaslah di dalam hati mereka bahawa di sana tiada lagi jalan keluar bagi mereka. Itulah tanda mereka sedang menghadapi satu kesusahan yang membingungkan mereka, iaitu kesusahan yang membuat seorang itu lupakan seluruh masa silamnya. Ia tidak teringat apa-apa lagi selain dari kesusahan yang sedang dihadapinya.

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 49 - 52)

Pendedahan Hakikat Jiwa Manusia

Itulah hari, di mana mereka tidak membuat sebarang persiapan untuknya dan tidak mengamatinya walaupun mereka begitu tamak terhadap segala yang baik dan begitu takut dan cemas terhadap segala bahaya dan bencana. Di sini ayat yang berikut menelanjangi jiwa mereka tanpa secebis kain pun.

لَّا يَسْـَٔمُ ٱلْإِنسَٰنُ مِن دُعَآءِ ٱلْخَيْرِ وَإِن مَّسَّهُ ٱلشَّرُّ فَيَـُٔوسٌ قَنُوطٌ ﴿٤٩﴾

وَلَئِنْ أَذَقْنَٰهُ رَحْمَةً مِّنَّا مِنۢ بَعْدِ ضَرَّآءَ مَسَّتْهُ لَيَقُولَنَّ هَٰذَا لِى وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةً وَلَئِن رُّجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّىٓ إِنَّ لِى عِندَهُۥ لَلْحُسْنَىٰ ۚ فَلَنُنَبِّئَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِمَا عَمِلُوا۟ وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنْ عَذَابٍ

غَلِيظٍ ﴿٥٠﴾

وَإِذَآ أَنْعَمْنَا عَلَى ٱلْإِنسَٰنِ أَعْرَضَ وَنَـَٔا بِجَانِبِهِۦ وَإِذَا مَسَّهُ ٱلشَّرُّ فَذُو دُعَآءٍ عَرِيضٍ ﴿٥١﴾

"Manusia tidak jemu memohon kebaikan dan jika dia disentuh kesusahan, dia terus berputus asa (49). Dan sekiranya Kami rasakannya rahmat dari Kami setelah disentuh kesusahan, dia berkata (sombong): Ini adalah hasil usahaku. Dan aku tidak fikir hari Qiamat itu akan berlaku, dan jika aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperolehi anugerah yang terbaik di sisi-Nya. Demi sesungguhnya Kami akan memberitahu kepada orang-orang yang kafir segala apa yang telah dilakukan mereka dan Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat berat (50). Dan apabila Kami kurniakan ni'mat kepada manusia, dia berpaling dan menjauhkan dirinya (dari Kami) dan apabila dia disentuh bala bencana, maka dia berdo'a dengan panjang lebar."(51)

Itulah satu lukisan yang amat halus dan tepat bagi jiwa manusia yang tidak berpandu dengan hidayat Allah dan mengikut jalan yang lurus. Ia menggambarkan keadaan hati mereka yang berubah-ubah, juga menggambarkan kelemahannya, dolak-daliknya, kecintaannya kepada segala yang baik, sifatnya yang tidak mengenang budi, terpesona dengan kesenangan dan cemas menghadapi kesusahan. Lukisan ini amat tepat dan mena'jubkan.

Manusia tidak jemu-jemu memohon kebaikan untuk dirinya, tetapi apabila disentuh kesusahan - cuma disentuh sahaja - dia terus putus harapan dan mengira tiada lagi jalan keluar dan tiada lagi jalan selamat dan dia kehilangan segala punca. Dadanya menjadi sempit, kerunsingannya bertambah, dan ia berputus asa dari rahmat Allah. Ini disebabkan kerana kepercayaannya terhadap Allah amat kecil dan hubungannya dengan Allah amat lemah.

Manusia ini juga, apabila Allah kurniakannya rahmat selepas dia mengalami sesuatu kesusahan, maka ia terus lupa daratan dan terus lupa bersyukur. Kesenangan telah membuat dia hilang pertimbangan dan tidak teringat kepada puncanya yang sebenar dan dia berkata megah:

"Ini adalah hasil usahaku."(50)

Aku memang wajar memperolehinya dan dia terus lupa kepada Akhirat dan menganggapkannya sebagai mustahil:

وَمَآ أَظُنُّ ٱلسَّاعَةَ قَآئِمَةً

"Dan aku tidak fikir hari Qiamat itu akan berlaku"(50)

dia memandang dirinya begitu besar hingga sanggup membuat dakwaan yang bohong terhadap Allah dan mendakwa mempunyai kedudukan istimewa di sisi Allah yang tidak dipunyai olehnya. Dia tidak percaya kepada hari Akhirat dan kepada Allah, namun demikian dia mendakwa jika dia kembali kepada Allah, dia akan mendapat kedudukan yang istimewa di sisi-Nya.

وَلَئِن رُّجِعْتُ إِلَىٰ رَبِّىٓ إِنَّ لِى عِندَهُۥ لَلْحُسْنَىٰ

"Jika aku dikembalikan kepada Tuhanku tentulah aku akan memperoleh anugerah yang terbaik di sisi-Nya."(50)

Ini satu dakwaan yang angkuh ketika inilah datangnya ancaman Ilahi yang sesuai dengan keangkuhan itu:

فَلَنُنَبِّئَنَّ ٱلَّذِينَ كَفَرُوا۟ بِمَا عَمِلُوا۟ وَلَنُذِيقَنَّهُم مِّنْ عَذَابٍ غَلِيظٍ ﴿٥٠﴾

"Demi sesungguhnya Kami akan memberitahu kepada orang-orang yang kafir segala apa yang telah dilakukan mereka dan Kami akan rasakan mereka 'azab yang amat berat."(50)

Apabila manusia ini mendapat ni'mat dari Allah, dia akan berlagak angkuh dan bertindak melampau. Dia berpaling dan menjauhi diri dari Allah, tetapi apabila dia mendapat kesusahan, dia merasa begitu kecewa dan lemah. Dia merasa dirinya begitu kecil dan lemah, lalu dia memohon pertolongan Allah dan dia tidak jemu-jemu merayu dan berdo'a dengan panjang lebar.

Alangkah halusnya rakaman ini! Ia merakamkan sifat-sifat jiwa manusia sama ada yang kecil atau yang besar. Ini tidaklah menghairankan kerana Allah Penciptanya sendiri yang menerangkan sifat-sifatnya. Dialah sahaja yang mengetahui segala liku dan lorongnya. Dia tahu bahawa jiwa manusia akan terus berputar-putar di lorong yang bengkok itu kecuali dia mendapat hidayat ke jalan yang lurus.

Di hadapan jiwa manusia yang bertelanjang bulat ini Al-Qur'an menanya mereka. Apakah yang akan dilakukan kamu jika Al-Qur'an yang diingkarkan kamu itu adalah benar dari Allah dan ancaman ini juga benar, sedangkan kamu telah mendedahkan diri kamu kepada akibat pendustaan dan pertengkaran?

قُلْ أَرَءَيْتُمْ إِن كَانَ مِنْ عِندِ ٱللَّهِ ثُمَّ كَفَرْتُم بِهِۦ مَنْ أَضَلُّ مِمَّنْ هُوَ فِى شِقَاقٍۭ بَعِيدٍ ﴿٥٢﴾

"Katakanlah: Apa pendapat kamu jika Al-Qur'an itu datang dari sisi Allah, kemudian kamu ingkarkannya. Siapakah yang lebih sesat dari mereka yang sentiasa berada dalam perselisihan yang amat jauh (dari kebenaran)?"(52)

Kemungkinan itu perlu dihadapi dengan hemat. Oleh itu apakah langkah-langkah hemat yang telah diambil mereka untuk menjaga keselamatan diri mereka?

* * * * * *

(Pentafsiran ayat-ayat 53 - 54)

Janji Allah Untuk Memperlihatkan Bukti-bukti Kekuasaan-Nya

Kemudian ayat yang berikut membiarkan mereka berfikir dan membuat perhitungan, lalu menuju ke alam buana yang lebar untuk menerangkan sebahagian dari perencanaan-perencanaan Ilahi yang telah diaturkannya pada alam buana dan pada diri mereka sendiri:

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْـَٔافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ ۗ أَوَلَمْ يَكْفِ بِرَبِّكَ أَنَّهُۥ عَلَىٰ كُلِّ شَىْءٍ شَهِيدٌ ﴿٥٣﴾ أَلَآ إِنَّهُمْ فِى مِرْيَةٍ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمْ ۗ أَلَآ إِنَّهُۥ بِكُلِّ شَىْءٍ مُّحِيطٌۢ ﴿٥٤﴾

"Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar. Tidakkah cukup kepada mereka bahawa Tuhanmu itu menyaksi segala sesuatu?(53). Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah. Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Itulah nada pengumuman terakhir surah ini iaitu satu nada pengumuman yang amat besar.

Allah telah berjanji kepada hamba-hamba-Nya umat manusia bahawa Dia akan memperlihatkan sebahagian rahsia dari rahsia-rahsia alam buana yang tersembunyi dan dari rahsia-rahsia kejadian diri mereka sendiri. Dia berjanji akan menunjukkan bukti-bukti kekuasaan-Nya pada kejadian-kejadian alam buana dan pada kejadian diri mereka sendiri supaya jelaslah kepada mereka kebenaran agama ini, kebenaran kitab Al-Qur'an ini dan kebenaran sistem hidup yang telah diterangkan olehnya. Siapakah yang lebih benar keterangannya dari Allah?

Allah telah menepati janji-Nya dan Dia telah memperlihatkan kepada mereka bukti-bukti kekuasaan-Nya pada kejadian-kejadian alam buana dalam masa empat belas abad selepas pegumuman janji ini, juga memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan-Nya pada kejadian diri mereka sendiri dan Allah masih terus memperlihatkan bukti-bukti yang baru setiap hari.

Kini setiap orang boleh melihat betapa banyaknya manusia menemui bukti-bukti kekuasaan Allah sejak masa itu. Berbagai-bagai rahsia kejadian alam buana dan kejadian diri mereka telah terbuka kepada mereka sekadar yang dikehendaki Allah.

Mereka telah mengetahui berbagai-bagai rahsia. Jika mereka sedar bagaimana mereka dapat mengetahui rahsia-rahsia itu dan bersyukur kepada Allah tentulah mereka memperolehi kebajikan yang banyak.

Mereka telah mengetahui sejak masa itu bahawa bumi yang didiami mereka dan yang dianggap mereka sebagai pusat alam buana itu sebenarnya hanya sebuah planet yang amat kecil sahaja yang menjadi pengikut matahari. Dan mereka juga telah mengetahui bahawa matahari itu hanya sebuah bola yang kecil sahaja dan di alam buana ini terdapat ratusan juta matahari seumpama itu. Mereka telah pun mengetahui tabi'at bumi mereka dan tabi'at matahari mereka dan mungkin pula tabi'at alam buana ini sendiri jika apa yang diketahui mereka itu betul.

Mereka telah banyak mengetahui tentang bahan alam tempat mereka hidup ini. Mereka telah mengetahui bahawa bahan asas pembinaan alam buana ini ialah atom. Dan mereka telah mengetahui bahawa atom berubah kepada radiasi atau sinar. Jadi mereka telah mengetahui bahawa seluruh alam buana ini adalah dari radiasi atom di dalam berbagai bentuk rupa yakni dari radiasi inilah telah dijadikan berbagai-bagai bentuk rupa dan saiz yang wujud di alam ini.

Mereka telah banyak mengetahui tentang bumi mereka yang kecil ini. Mereka tahu bumi ini sebiji bola atau seperti sebiji bola. Mereka tahu bumi ini sentiasa berputar di sekeliling dirinya dan di sekeliling matahari. Mereka tahu benua-benuanya, lautan-lautannya dan sungai-sungainya. Mereka menemui sesuatu dalam perut bumi dan mereka tahu berbagai-bagai jenis makanan yang tersembunyi di sana, juga makanan-makanan yang tersebar di udaranya.

Mereka telah mengetahui wujudnya kesatuan undang-undang yang mengikatkan bumi mereka dengan alam buana yang besar ini iaitu undang-undang yang mengendalikan seluruh alam buana yang besar ini. Di antara mereka ada yang mendapat hidayat dan dengan hidayat ini mereka dapat meningkat dengan ilmu pengetahuan mereka yang telah mengenal undang-undang ini kepada mengenal Allah sebagai Pencipta undang-undang itu. Di antara mereka ada yang sesat dari menyeleweng. Mereka hanya terhenti setakat ilmu-ilmu sains yang zahir ini sahaja tidak lebih dari itu, tetapi umat manusia yang telah sesat kerana ilmu-ilmu sains itu telah kembali pula ke jalan yang benar dengan perantaraan ilmu sains itu, juga kerana mereka tahu mereka boleh mengetahui kebenaran dengan jalan ini.

Penemuan ilmu pengetahuan mengenai diri manusia juga tidak kurang dari penemuan ilmu pengetahuan mengenai alam buana. Mereka banyak mengetahui tentang struktur tubuh badan manusia, susunannya, ciri-cirinya, rahsia-rahsianya, fungsi-fungsinya, penyakit-penyakitnya, makanan-makanan dan cara pencernaannya. Mereka tahu tentang rahsia-

rahsia tindak-tanduknya dan gerak-gerinya. Dan seluruhnya merupakan kejadian-kejadian mu'jizat yang tidak dapat diciptakan melainkan hanya Allah.

Tetapi mereka mengetahui sedikit sahaja tentang jiwa manusia. Ilmu pengetahuan mereka mengenai jiwa tidak sebanyak ilmu pengetahuan mereka mengenai tubuh badan, kerana selama ini perhatian mereka lebih banyak ditumpukan kepada bahan kejadian manusia dan peralatan tubuh badannya dari ditumpukan kepada akal dan rohnya, tetapi kadar ilmu pengetahuan yang telah diketahui itu boleh membuka alan kepada penemuan-penemuan yang akan datang.

Manusia masih di tengah jalan dan Allah masih terbuka:

سَنُرِيهِمْ ءَايَٰتِنَا فِى ٱلْءَافَاقِ وَفِىٓ أَنفُسِهِمْ حَتَّىٰ يَتَبَيَّنَ لَهُمْ أَنَّهُ ٱلْحَقُّ

"Kami akan memperlihatkan bukti-bukti kekuasaan Kami di merata pelosok alam dan di dalam kejadian diri mereka sendiri sehingga jelaslah kepada mereka bahawa Al-Qur'an itu adalah benar."(53)

Bahagian akhir dari janji tersebut telah pun menunjukkan dengan jelas hasil-hasil penemuan pertamanya sejak permulaan abad ini. Angkatan manusia yang beriman sedang berkumpul dari berbagai-bagai jalan. Dan sebilangan ramai dari mereka datang melalui jalan ilmu pengetahuan kebendaan ini sahaja dan di sana kelihatan berduyun-duyun manusia sedang berkumpul dari jauh menuju kepada keimanan walaupun terdapat gelombang atheisme yang hampir-hampir telah membanjiri bumi ini di masa yang silam, tetapi gelombang itu semakin kecil sekarang ini dan terus menyusut walaupun di sana terdapat segala fenomena yang menyangkalnya dan mungkin pula sebelum berakhirnya abad kedua puluh kita sekarang ini, gelombang itu akan terus menyusut semuanya atau hampir-hampir melenyap, Insya Allah, sehingga sempurnalah janji Allah yang pasti berlaku itu:

"Tidakkah cukup kepada mereka bahawa Tuhanmu itu menyaksikan segala sesuatu."(53)

Yakni Allah telah memberi janji-janji-Nya dengan ilmu pengetahuan dan saksi-saksi yang benar.

أَلَآ إِنَّهُمْ فِى مِرْيَةٍ مِّن لِّقَآءِ رَبِّهِمْ

"Ingatlah! Sesungguhnya mereka masih dalam keraguan tentang pertemuan mereka dengan Allah."(54)

Kerana itu berlakulah dari mereka apa yang telah berlaku sebagai akibat dari keraguan menemui Allah.

"Ingatlah bahawa ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu."(54)

Oleh itu ke manakah mereka akan pergi dari menemui Allah, sedangkan ilmu Allah itu meliputi segala sesuatu.

* * * * * *